

**PERKEMBANGAN INSTITUSI ADAT LINGKUNGAN SERI MENANTI
DAN PERANANNYA DALAM MASYARAKAT**

NOOR HAYATI IBRAHIM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PERKEMBANGAN INSTITUSI ADAT LINGKUNGAN
SRI MENANTI DAN PERANANNYA DALAM MASYARAKAT

OLEH

NOOR HAYATI BTE HAJI IBRAHIM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-
SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH.

"KESELURUHAN LATIHAN ILMIAH INI DITULIS DENGAN
PERKATAAN SAYA SENDIRI, MELAINKAN NUKILAN-
NUKILAN YANG MANA TELAH SAYA AKUI TIAP-TIAP
SATUNYA".

JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
1986/1987

Sekalung kasih ku abadikan buat

"abah yang sentiasa sabar mendoakan

emak yang sentiasa berkorban

kakak-kakak yang tenang menanti penuh harapan

abang-abang yang tak sunyi memberi dorongan

satu-satunya adikku yang turut berjuang..."

Setiap pengorbanan kalian

emas permata tidak ternilaikan

segalanya kepada Allah ku serahkan.

SINOPSIS

Sebagaimana yang dapat dilihat pada tajuk tesis ini, tumpuan kajian adalah berhubung dengan perkembangan institusi Adat Lingkungan yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti. Sejarah awal pembentukan institusi adat akan diperbincangkan supaya dapat menggambarkan titik tolak perkembangan adat ini selanjutnya. Kajian ini menjangkau dari pembentukan Adat Perpatih dan Adat Temenggung di Minangkabau membawa kepada pembentukan institusi Adat Lingkungan di Seri Menanti.

Bab I menjelaskan tentang sejarah Seri Menanti sebagai latarbelakang pengenalan kepada pembaca. Sebagai pengenalan disentuh juga mengenai kedudukan geografi Seri Menanti serta struktur dan sistem sosial masyarakatnya.

Bab 2 akan menghuraikan sejarah salasilah keturunan raja-raja Negeri Sembilan dan asal usul golongan pemimpin adat. Perlantikan golongan pemimpin adat khususnya Buapak dan Lembaga juga akan disentuh termasuklah cara-cara dan syarat-syarat perlantikan, keistimewaan-keistimewaan yang diperolehi serta kedudukan dan peraturan mereka.

Bab 3 menghuraikan tentang tugas dan peranan pemimpin adat dalam dua situasi. Situasi pertama ialah peranan mereka dalam masyarakat Adat Lingkungan

itu sendiri dengan tumpuan kepada peranan dalam perlantikan ketua adat, pembahagian harta dan persemendaan. Situasi kedua ialah peranan mereka berhubung dengan adat istiadat di Istana seperti adat peminangan, perkahwinan dan yang berkaitan dengannya.

Bab 4 adalah analisa berkenaan dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan tradisi elit ini dalam pembangunan masyarakat Seri Menanti. Perubahan-perubahan dan pembangunan sedikit sebanyak telah merubah nilai dan sikap masyarakat Adat Lingkungan dan secara tidak langsung menggugat pengaruh golongan pemimpin adat ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PRAKATA

Penulis sangatlah merasa terhutang budi dan menjunjung tinggi bimbingan Drs. Abdul Murat Mat Jan selaku penyelia yang amat sabar dan teliti. Beliau telah memberikan kerjasama dan tunjuk ajar penuh kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan serta telah memberikan ulasan yang terperinci dalam setiap draf tesis yang diserahkan kepada beliau untuk disemak. Bagi penulis beliau dianggap sebagai penyelia par excellence yang harus dibanggakan. Dengan ini penulis ingin mengatitkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga terhadap beliau sebagai penyelia dalam penyelidikan ini.

Penulis tidak lupa pula mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pejabat Tanah Daerah Kuala Pilah dan Pejabat Ukur Seremban yang telah memberikan pertolongan untuk mendapatkan bahan kajian. Ucapan yang sama turut dihulurkan kepada pihak Arkib Negara dan kepada semua perpustakaan yang telah digunakan.

Penulis juga terhutang budi kepada Yang Amat Mulia Tunku Alang Astor bin Tunku Sharif iaitu Penyelia Adat yang sudi meluangkan masa untuk berbincang serta memberikan pandangan yang berguna dalam penulisan ini. Seterusnya ingin saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Datuk Penghulu Dagang, Datuk Besar Meon,

Tuan Haji Mohd. Nor, Datuk Panglima Jaya Hassan dan kepada semua yang terlibat menjayakan kajian ini.

Akhir sekali penulis berterima kasih kepada emak, abah, serta keluarga seluruhnya yang telah memberi dorongan dan inspirasi untuk menyiapkan tesis ini.

Oleh yang demikian penulis merasakan bahawa penulisan ini sedikit sebanyak merupakan hasil kerjasama yang telah dicurahkan oleh mereka yang disebutkan dan jasa baik mereka tetap tidak akan dilupakan.

Noor Hayati Haji Ibrahim
Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi.
1986/1987

KEPENDEKAN

Bil	:	Bilangan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
FMS	:	Federal Malay States
h.	:	Halaman
Jil.	:	Jilid
JMBRAS	:	Journal of Malayan/Malaysian Branch, Royal Asiatic Society
JSBRAS	:	Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society
K/K	:	Kertas Kerja
Ltd.	:	Limited
MSRI	:	Malaysia Sociological Research Institute
p/pp	:	page
PMS	:	Papers on Malay Subject
Pt.	:	Part
Vol.	:	Volume
YAM	:	Yang Amat Mulia
YM	:	Yang Mulia
YMM	:	Yang Maha Mulia

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
Sinopsis	i - ii
Prakata	iii - iv
Kependekan	v
Kandungan	vi - vii
Senarai Jadual/Rajah	vii
Senarai Peta	ix
Senarai Gambar	x
Pendahuluan	1
BAB 1 PENGENALAN	6
A. Kedudukan Geografi Seri Menanti	10
B. Sejarah Pembukaan Seri Menanti	13
C. Sistem Sosial Seri Menanti	32
D. Latarbelakang Pembentukan Institusi Adat	47
E. Ciri-ciri Khas Adat Lingkungan	67
BAB 2 SALASIAH KETURUNAN GOLONGAN PEMERINTAH DAN PEMIMPIN ADAT LINGKUNGAN	73
A. Salasilah Keturunan Raja-raja Negeri Sembilan	75
B. Kedudukan Yamtuan	84
C. Sejarah Perlantikan Pembesar Adat Lingkungan	86
D. Struktur dan Kedudukan Pembesar Adat Lingkungan	94
E. Peraturan Pembesar Adat Lingkungan	108

<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
BAB 3 TUGAS DAN PERANAN PEMIMPIN ADAT DALAM MASYARAKAT ADAT LINGKUNGAN DAN ADAT ISTIADAT ISTANA	115
A. Peranan Pemimpin Adat Dalam Masyarakat Adat Lingkungan	119
B. Peranan Pemimpin Adat Dalam Adat Istiadat Istana	142
BAB 4 PERKEMBANGAN PENGARUH DAN PERANAN ELIT TRADISI DALAM CABARAN PEMBANGUNAN	161
BAB 5 PENILAIAN DAN KESIMPULAN	179
Bibliografi	196
Senarai Responden	199
Lampiran/Appendix	204

<u>SENARAI JADUAL/RAJAH</u>	<u>HALAMAN</u>
Rajah 1 - Teori Hirarki Keinginan Maslow	50
Rajah 2 - Proses Kewujudan Hukum Adat	54
Rajah 3 - Salasilah Raja-Raja Negeri Sembilan	83
Rajah 4 - Struktur Pemerintahan N. Sembilan	103
Rajah 5 - Struktur Pegawai-Pegawai Istana	104
Rajah 6 - Struktur Pembesar Adat Lingkungan	105
Jadual 1 - Senarai Pembesar Suku-Suku Adat Lingkungan	106

SENARAI PETAHALAMAN

Peta 1 - Peta Negeri Sembilan	219
Peta 2 - Peta Mukim Sri Menanti	220
Peta 3 - Luak Tanah Mengandung	221

SENARAI GAMBARHALAMAN

Gambar 1	-	Panca Persada	153
Gambar 2	-	Orang Empat Istana	222

PENDAHULUAN

Pengkajian ini adalah bertujuan untuk mengungkapkan kembali perkembangan institusi Adat Lingkungan disekitar perkarangan Istana Seri Menanti serta menganalisa peranan golongan pemimpinnya dalam masyarakat. Mungkin ramai yang masih tidak mengetahui tentang kewujudan Adat Lingkungan dalam suasana masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Perlu ditegaskan bahawa adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti ini dinamakan Adat Lingkungan yang terdapat sedikit sebanyak perbezaannya dengan Adat Perpatih kerana mereka mengamalkan Adat Temenggung dalam beberapa aspek kehidupannya. Tambahan pula Adat Lingkungan ini hanya tertumpu dalam lingkungan atau kawasan Seri Menanti sejak awal kewujudannya.

Pada pandangan penulis penggunaan perkataan 'Adat Lingkungan' bermaksud hanya suku-suku dalam lingkungan tertentu sahaja yang mengamalkan adat tersebut. Suku-suku ini dikenali sebagai Lingkungan Air Kaki yang dari segi sejarahnya mempunyai hubungan kekerabatan dengan Yamtuan Negeri Sembilan. Seri Menanti juga dikenali sebagai Tanah Lingkungan atau Tanah Mengandung di mana Yamtuan berkuasa penuh ke atasnya.

Adalah merupakan satu perkara yang menarik bagi penulis untuk menumpukan perhatian dalam menganalisa

secara terperinci mengenai institusi Adat Lingkungan di tengah-tengah Adat Perpatih kerana setakat ini tidak ada kajian atau penulisan yang dibuat secara khusus dan mendalam tentang institusi adat tersebut. Dalam kajian ini penulis cuba memperlihatkan tentang latarbelakang pembentukan institusi adat, struktur dan kedudukan pemimpin-pemimpin adat, tugas serta peranan dan cabaran-cabaran yang dihadapi.

Memang terdapat beberapa kajian yang telah dibuat oleh para sejarawan sama ada sejarawan tempatan mahupun sejarawan asing mengenai sejarah Negeri Sembilan. Antara lain kajian Datuk Abdul Samad Idris, Dr. Nordin Selat, Taha Abdul Kadir, R.J. Wilkinson, M.B. Hooker, Josselin de Jong dan lain-lain lagi, yang melihat dari pelbagai aspek seperti sosio-politik, ekonomi, budaya serta menyentuh soal adat yang menjadi amalan masyarakat Negeri Sembilan. Akan tetapi belum terdapat penelitian khusus tentang institusi Adat Lingkungan di Seri Menanti.

Apabila menyebut tentang adat di Negeri Sembilan maka akan tergambar di dalam pemikiran seseorang tentang Adat Perpatih yang telah diamalkan turun temurun yang telah di bawa oleh penghijrah-penghijrah awal dari Minangkabau beberapa kurun yung lalu. Walau bagaimanapun dalam pengkajian ini penulis tidak membincangkan dengan panjang lebar tentang Adat Perpatih

ini memandangkan tinjauan serta penyelidikan tentang adat tersebut telah banyak dilakukan oleh para peneliti dan sejarawan. Namun begitu beberapa aspek dalam Adat Perpatih akan dikemukakan untuk memperlihatkan perbezaannya dengan Adat Lingkungan yang menjadi fokus kajian penulis.

Adat Lingkungan ini hanya diamalkan oleh beberapa suku di kampung-kampung yang terletak di sekitar perkarangan Istana Seri Menanti. Suku-suku tersebut ialah Suku Batu Hampar, Suku Tanah Datar, Suku Seri Lemak Pahang, Suku Seri Lemak Minangkabau dan Suku Tiga Batu. Kelima-lima suku tersebut dikenali sebagai Lingkungan Air Kaki Yamtuan yang diletakkan di bawah pentadbiran Lembaga masing-masing.

Seri Menanti sebagaimana yang diketahui umum adalah merupakan pekan di raja Negeri Sembilan dan di sinilah bersemayamnya DYMM sejak mula kawasan ini diletakan di bawah pentadbiran Yamtuan pertama iaitu Raja Melewar. Tetapi satu keunikan yang mungkin menjadi persoalan ialah tentang adat yang diamalkan oleh masyarakat Seri Menanti iaitu Adat Lingkungan sedangkan masyarakat di sekelilingnya mengamalkan Adat Perpatih. Oleh yang demikian mengingatkan penulis kepada pandangan Profesor Khoo Kay Kim yang menyatakan, "... apa yang berlaku di peringkat kebangsaan memang merupakan sesuatu yang penting untuk dikaji ... tetapi di samping itu apa

yang berlaku di sesuatu tempat yang lebih kecil tidak boleh juga diketepikan kerana masyarakat memang terdiri daripada beberapa bahagian yang tiap-tiap satunya memperlihatkan sifat-sifat yang agak tersendiri".

Seterusnya dari segi metodologi penulis menggunakan bahan-bahan rujukan dari perpustakaan dan fail-fail rasmi Arkib Negara. Penulis juga menjalankan kaedah temuduga atau temubual dengan pembesar-pembesar Istana khususnya Orang Empat Istana yang berperanan sebagai ketua atau Lembaga Adat Lingkungan. Temubual juga dilakukan ke atas pembesar-pembesar adat yang lain serta beberapa penduduk Seri Menanti yang arif mengenai soal Adat Lingkungan ini.

Di samping itu penulis juga mendapatkan maklumat melalui pengamatan dan pengalaman secara langsung semasa bergaul dengan masyarakat di tempat kajian. Bagi adat istiadat Istana selain dari mendapat maklumat melalui temubual dengan para pembesar Istana, penulis juga telah mendapat kesempatan menyaksikan sendiri beberapa istiadat khususnya istiadat bersanding dan bersiram semasa perkahwinan Putera DYMM iaitu Yang Amat Mulia Tunku Muda Serting pada 19 dan 21hb. Februari 1987. Dengan pengalaman ini penulis dapat melihat dengan lebih jelas beberapa peraturan adat istiadat di raja untuk dijadikan sebagai dasar penulisan.

Selanjutnya, dalam bidang penulisan dan kajian

memang seringkali bertemu dengan masalah yang sukar dielakkan. Dalam penulisan ini penulis mendapati kurangnya sumber-sumber atau dokumen yang mengemukakan tentang institusi Adat Lingkungan ini dengan jelas dan nyata. Kebanyakan penulis yang terdahulu seperti Wilkinson dan Hooker misalnya hanya menyentuh secara sambil lalu sahaja mengenai masyarakat Adat Lingkungan Seri Menanti dalam penulisan mereka tanpa mengupas secara terperinci tentang adat ini. Bagi penduduk-penduduk Seri Menanti sendiri ada di antara mereka yang kurang arif tentang adat mereka sendiri lantaran perubahan-perubahan yang dialaminya. Haruslah juga diketahui bahawa adat merupakan satu aspek yang sensitif untuk diperbincangkan. Justeru itu untuk membicarakan tentang adat khususnya Adat Lingkungan yang merupakan campuran Adat Perpatih dan Adat Raja (Adat Temenggung) haruslah dilakukan dengan teliti dan berhati-hati. Tambahan pula adat bukanlah sesuatu yang tersurat seperti perlembagaan negara tetapi ia tersirat dalam jiwa penganutnya yang dicerminkan melalui kata-kata perbilangan adat itu sendiri.

Akhirnya adalah menjadi harapan penulis agar kajian tentang institusi Adat Lingkungan ini akan diteruskan oleh para pengkaji sejarah pada masa-masa yang akan datang. Sekiranya terdapat beberapa kelemahan dalam penulisan ini adalah disebabkan oleh kekurangan penulis sendiri yang perlu diperbaiki.

BAB 3

TUGAS DAN PERANAN PEMIMPIN ADAT DALAM MASYARAKAT ADAT
LINGKUNGAN DAN ADAT ISTIADAT ISTANA

Soal pemimpin dan pimpinan di dalam sesebuah masyarakat adalah penting dalam menentukan corak kemajuan dan perubahan sesuatu masyarakat. Baik masyarakat itu merupakan satu organisasi primitif mahupun sebuah organisasi yang bertamaddun, kedua-duanya sama-sama memerlukan pemimpin untuk membentuk corak kehidupan serta memimpin masyarakat dalam melaksanakan peraturan atau hukum.

Dalam bab yang lalu telah pun dinyatakan dengan jelas mengenai sifat-sifat pemimpin serta syarat-syarat untuk menjadi seorang pemimpin yang wajar. Apa yang jelas kepimpinan dalam masyarakat Seri Menanti adalah berlandaskan dua konsep utama iaitu muafakat dan budi. Dalam bab ini akan diperbincangkan pula mengenai tugas dan peranan pemimpin-pemimpin Adat Lingkungan baik dalam lingkungan anak buah masing-masing maupun dalam adat istiadat istana. Sebelum dijelaskan dengan lebih lanjut mengenai tugas dan peranan pemimpin-pemimpin adat perlulah difahami pengertian konsep peranan itu terlebih dahulu. Peranan dan kedudukan ialah konsep yang rapat sekali perkaitannya di dalam pengkajian sains kemasyarakatan.

Peranan di dalam bahasa Inggrisnya ialah roles dan kedudukan pula diistilahkan sebagai position atau kadang-kadang disebut status. Ketiga-tiga istilah ini kerap kali digunakan untuk menyatakan satu pengertian mengenai hak-hak (rights), tugas-tugas (duties) atau tanggungjawab (obligations) seseorang di dalam perhubungan kemasyarakatnya. Misalnya A Modern Dictionary of Sociology menyebutkan pengertian peranan sebagai :

A pattern of behavior, structured around specific rights and duties and associated with a particular STATUS position within a group or social situation.¹

Terdapat juga pandangan lain yang menyebutkan :

The term social position is in many cases synonymous with terms like social status or social role, but this is because there is a general lack of precision in the use of these terms in sociological literature.²

Dengan ini seolah-olah tidak ada satu ketetapan tentang pengertian ketiga-tiga istilah kedudukan, taraf (status) dan peranan. Lantaran itu ia ditafsirkan mengikut pengertian masing-masing penulis. Ralph Linton

¹ George A. Theodorson & Achilles G. Theodorson, A Modern Dictionary of Sociology, Methuen & Co Ltd., Great Britain, 1970, p.352.

² Mitchell G. Duncan (editor), A Dictionary of Sociology, Routledge & Keagan Paul, London, 1986, p.175.

umpamanya menggunakan istilah taraf (status) dan peranan (role) di dalam kehidupan bermasyarakat berkait rapat dengan pola-pola perhubungan yang bertimbal balik antara individu dengan individu lain di dalam sesuatu masyarakat. Dalam tiap-tiap satu pola perhubungan bertimbal balik ini, kedua-dua pihak yang berhubung ada kedudukan masing-masing yang dipanggil oleh Linton sebagai taraf (status). Oleh kerana tiap-tiap individu itu mengambil bahagian dalam berbagai-bagai pola perhubungan yang bertimbal balik di dalam masyarakatnya, ia dikatakan mempunyai banyak kedudukan dan taraf. Misalnya seorang lelaki yang telah dewasa dan berumahtangga adalah suami kepada isteri; ayah kepada anak-anaknya; abang kepada adik-adiknya dan seumpamanya. Dalam keadaan yang lain pula ia mungkin seorang Ketua Kampung di kawasan tempat tinggalnya atau seorang imam di masjid kampungnya.³ Dengan ini dapat dilihat bahawa seseorang lelaki itu, malahan individu-individu lain juga turut memenuhi berbagai-bagai taraf atau kedudukan di dalam kehidupannya bermasyarakat.

Menurut Linton lagi tiap-tiap satu taraf atau kedudukan itu ada peranan-peranan yang mesti dijalankan oleh individu yang memenuhi taraf dan kedudukan itu,

³ Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita Di dalam Masyarakat Melayu Beradat Papatih di N. Sembilan", Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 1969, h.34

sebagaimana yang dinyatakannya:

A role represents the dynamic aspect of status... when he puts the rights and duties which constitute the status into effect, he is performing a role. Role and status are quite inseparable, and the distinction between them is only on academic interest.⁴

Linton menyatakan bahwa taraf ialah satu perlakuan yang ideal dan peranan merupakan perlakuan yang benar-benar dilakukan oleh seseorang yang memenuhi taraf itu. Dalam kata lain beliau menganggap taraf dan peranan merupakan dua aspek dari satu perkara yang sama.

Talcott Parson pula mengutarakan pendapat bahwa peranan adalah tanggungjawab dan taraf merupakan hak-hak individu yang memenuhi kedudukan itu.⁵

Ternyata di sini bahwa konsep peranan mempunyai kaitan yang rapat dengan taraf atau kedudukan seseorang individu dalam keadaan yang bertimbal balik antara individu dengan individu atau di antara kumpulan dengan kumpulan di dalam satu-satu masyarakat. Di dalam perhubungan yang bertimbal balik ini kedua-dua pihak yang berhubung itu ada kedudukan masing-masing dan

⁴ Ralph Linton, The Study of Man: An Introduction, Peter Owen, London, 1956, h.113 - 114.

⁵ Michael Banton, Role and Introduction to the Study of Social Relations, Tavistock Publications Ltd., London, 1965, h.27

setiap kedudukan itu ada peranan-peranan yang harus di jalankan.

A. Peranan Pemimpin Adat Dalam Masyarakat Adat Lingkungan

Pada lazimnya masyarakat desa merupakan masyarakat yang simple dari segi struktur dan organisasinya serta mempunyai hubungan yang rapat di antara ahli-ahli di dalam masyarakatnya. Di dalam pemilihan ketua masyarakat, ahli-ahli masyarakat lebih memandang kepada tingkat umur yang lebih tua serta mempunyai pengalaman yang lebih luas. Mengikut Syed Husin Ali dalam kajiannya ke atas masyarakat di Kerdu dan Bagan, perlantikan ketua haruslah dengan persetujuan bersama di antara individu-individu dalam masyarakat itu. Ketua yang dilantik itu berperanan untuk memberi nasihat, tunjuk ajar atau keputusan berhubung dengan masalah-masalah yang wujud dalam masyarakat itu seperti urusan kematian, perkahwinan, nikah-cerai dan kebajikan terhadap masyarakatnya.⁶

Di dalam bidang politik atau pentadbiran peranan

⁶ Syed Husin Ali, "Patterns of Rural Leadership in Malaya," JMBRAS, Vol.XL1, Pt.1, Singapore, Julai 1986, h.110

ketua atau pemimpin adalah untuk menjadi penghubung diantara pihak pemerintah dan ahli-ahli komuniti atau sebaliknya. Pemimpin-pemimpin ini secara umumnya berperanan menjaga kebajikan anak-anak buahnya, ia dihormati dan segala cakupnya didengar dan biasanya menjadi ketua di dalam majlis-majlis atau upacara-upacara adat. Ini memperlihatkan bahawa pemimpin adalah mempunyai status yang tinggi dari pandangan ahli-ahli komunitinya. Pemimpin ini akan diikuti oleh ahli-ahlinya jika ia dapat mempraktikkan serta menjaga nilai-nilai dan norma-norma yang terdapat didalam masyarakat itu. Sekiranya pemimpin-pemimpin ini gagal di dalam peranannya itu maka pastilah ia tidak akan dipercayai oleh anak-anak buahnya, malahan ini akan menurunkan darjah kepimpinannya.

Perhubungan di antara pemimpin dengan ahli-ahli dalam masyarakatnya adalah rapat dan saling bergantung antara satu sama lain. Pihak pemimpin akan cuba mempertahankan statusnya di kalangan ahli-ahli atau anak buahnya. Ini adalah semata-mata untuk kepentingan bersama di dalam masyarakat itu.

Pada lazimnya perlantikan seseorang pemimpin atau Ketua Adat dalam masyarakat Adat Lingkungan secara tradisi dijalankan melalui beberapa peraturan dan upacara ringkas menurut adat istiadat yang ditentukan. Dalam perlantikan Buapak pemilihan dilakukan atas dasar

pemuafakatan dan persetujuan pihak waris Soko,⁷ seresam dan seadat. Calon yang dipilih biasanya adalah dari anggota perut yang berhak dan tertumpu pada calon yang layak sahaja. Kelayakan ini ditentukan setelah dikaji dari segi latar belakang keturunannya dan ia juga mestilah seorang yang tahu tentang selok belok adat. Setelah ada persetujuan dari golongan yang berhak itu maka peranan Lembaga ialah mengesahkan calon yang dikemukakan. Dalam masyarakat Adat Lingkungan Buapak yang dilantik tidak sekadar mendapat pengesahan Lembaga sahaja tetapi mestilah juga mendapat pengesahan dari pada Penyelia Adat yang bertindak sebagai wakil Yamtuan.⁸

Perlu juga dinyatakan bahawa perlantikan Buapak dalam Adat Lingkungan biasanya dipilih daripada Besar Waris sesuatu suku. Misalnya bagi Suku Tiga Batu Kampung Buyau perlantikan Buapak dipilih daripada salah seorang daripada Besar Waris berikut:⁹

⁷ Soko bermaksud suku dilihat dari pihak ibu.

⁸ Dalam masyarakat Adat Papatih perlantikan seseorang Buapak cukup sekadar mendapat pengesahan Lembaga tetapi dalam Adat Lingkungan pengesahan juga diperolehi daripada Yamtuan atau Wakilnya. Temubual dengan Datuk Panglima Jaya Hassan bin Salleh di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 19.1.1987.

⁹ Temubual dengan Datuk Panglima Jaya Hassan bin Salleh di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 19.1.1987.

- i. Datuk Palembang.
- ii. Datuk Perdana.
- iii. Datuk Panglima Sutan.
- iv. Datuk Kaya Menteri
- v. Datuk Seri Maharaja
- vi. Datuk Memperang

Menurut keterangan Datuk Panglima Jaya Hassan, sekiranya tidak mendapat persetujuan untuk melantik salah seorang dari Besar Waris tersebut sebagai Buapak maka dibolehkan melantik salah seorang yang lain daripada suku tersebut yang dianggap layak.¹⁰ Haruslah diketahui bahawa peranan Besar Waris ini di dalam suku adalah sebagai pembantu kepada Buapak dalam segala hal adat istiadat. Malahan mereka dibolehkan mengambil alih tugas dan peranan Buapak sekiranya Buapak tidak dapat hadir dalam satu-satu upacara adat.

Sementara itu dalam proses perlantikan Lembaga pula, selain daripada mendapat persetujuan atau kata sepakat anak buah dan Buapak, Yamtuan atau wakilnya turut memainkan peranan penting dalam memilih seseorang calon Lembaga. Berdasarkan kebulatan semua anak buah dan Buapak, nama calon dikemukakan kepada Yamtuan atau

¹⁰ Ini bermaksud perlantikan Buapak tidak semestinya dari kalangan Besar Waris sebaliknya sesiapa sahaja lelaki dalam suku itu boleh dilantik sebagai Buapak asal cukup syarat dan layak. Sebagai contohnya ialah perlantikan Datuk Setia Muda Jaafar Haji Lilah sebagai Buapak dalam Suku Seri Lemak Pahang. Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof di Kampung Bukit Tempurung Seri Menanti pada 28.1.1987.

wakilnya untuk mendapatkan persetujuan selanjutnya. Tetapi pada masa kini seseorang waris yang merasakan dirinya berhak dan layak boleh mengemukakan permohonannya untuk menjadi calon Lembaga kepada Yamtuan. Walau bagaimanapun kuasa pemilihan atau perlantikan terletak di tangan Yamtuan untuk memilih sesiapa yang ia suka. Misalnya Datuk Penghulu Dagang Adam sendiri dilantik sebagai Orang Empat Istana pada tahun 1934 atas persetujuan Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yamtuan Negeri Sembilan Kelapan. Malahan Yamtuan juga berhak memecat Lembaga tersebut jika ia mahu tetapi setakat ini belum ada pemecatan dilaku ke atas Pembesar Adat Lingkungan. Bagaimanapun kuasa perlantikan, pengesahan dan juga pembatalan kuasa terletak di tangan Yamtuan dan bukannya Penghulu Luak atau Undang sepertimana dalam Adat Perpatih.¹¹ Menurut Datuk Penghulu Dagang Adam, semasa upacara pengesahan jawatan di hadapan Yamtuan seseorang Lembaga itu dikehendaki membawa satu tepak sireh yang dibungkus dengan kain kuning beserta dengan wajik dan penganan (dodol) sebagai pemberian adat yang disebut 'boko'.

Penulis beranggapan bahawa perlantikan Ketua Adat dalam masyarakat Adat Lingkungan tidaklah terlalu

¹¹ Temubual dengan Tunku Alang Astor bin Tunku Sharif di Kuala Pilah pada 27.1.1987.

rumit sebagaimana yang terdapat dalam Adat Papatih¹² memandangkan perlantikan Buapak atau Lembaga dalam Adat Lingkungan tidak memerlukan upacara Adat Istiadat yang besar-besaran. Sekiranya mereka hendak berjamu memadailah dengan membuat jamuan yang sederhana untuk mengistiharkan perlantikannya kepada seluruh anak buah. Jika mereka tidak berbuat demikian tidaklah menjadi satu kesalahan.

Apa yang dapat diperhatikan proses perlantikan Ketua Adat bagi suku-suku dalam Adat Lingkungan tidak banyak perbezaannya tetapi apa yang perlu diberi perhatian ialah waris dan soko itu. Misalnya untuk melantik Lembaga tadi, maka waris yang dikemukakan itu mestilah dari suku yang layak dan berhak dan tidak boleh dari lain-lain suku. Berhubung dengan soal Alat Kebesaran pemimpin-pemimpin adat ini jelas dilihat apabila berlakunya satu-satu kematian khususnya kematian Lembaga. Menurut keterangan Datuk Penghulu Dagang apabila salah seorang daripada Orang Empat Istana meninggal dunia hendaklah dipasang dua Payung Kuning, dua Tombak Benderang, dua Keris Panjang, dua Pedang Panjang dan dua Tonggol yang kesemuanya diambil dari Istana.

¹² Keterangan lanjut mengenai perlantikan Ketua Adat dalam masyarakat Adat Papatih sila Lihat Mazenah bte Piei, peranan Ketua Adat dalam masyarakat Adat Papatih di Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Persuratan Melayu, UKM, 1982, h.75-83

Alat-alat Kebesaran tersebut dipasangkan di tengah-tengah halaman rumah simati. Sementara itu di atas rumah hendaklah dipasang tabir langit-langit dan tabir panjang yang bewarna kuning dan kain sampaian berbentuk tigasegi yang berukuran $1/2$ kaki persegi sebanyak lapan helai hendaklah juga digantung.¹³

Satu lagi perkara menarik ialah usungannya mestilah di buat dari kayu batang pinang setinggi tiga tingkat dan ditutup dengan kain kuning. Dalam perjalanan ke kubur pula hendaklah dipayungkan dengan payung kuning. Di samping itu juga terdapat sedekah adat iaitu duit yang biasanya dibungkus dengan daun dedap.¹⁴ Duit yang dibungkus ini akan disedekahkan kepada ketua-ketua adat yang datang berziarah pada hari kematian tersebut.

Pembahagiannya adalah sebagai berikut:¹⁵

Orang Empat Istana	- Enam bungkus.
Lembaga Luak Muar	- Empat bungkus
Buapak	- Tiga bungkus.
Pegawai 99	- Tiga bungkus.

¹³ Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof, di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 28.1.1987.

¹⁴ Satu bungkus bernilai sesuku iaitu 25 sen.

¹⁵ Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof, di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 28.1.1987.

Persediaan-persediaan yang terdapat dalam istiadat kematian ini dapatlah dianggap sebagai lambang kebesaran ketua adat khususnya Orang Empat Istana yang memainkan peranan penting dalam lingkungan anak buahnya serta berperanan dalam soal adat istiadat Istana. Oleh kerana kedudukan mereka yang tinggi dalam masyarakat maka tidak hairanlah jika mereka diberi keistimewaan-keistimewaan tertentu.

Selanjutnya akan diperlihatkan pula mengenai peranan ketua adat dalam soal pembahagian harta pusaka. Harta merupakan satu perkara penting dalam masyarakat Adat Lingkungan dan juga Adat Papatih. Peranan ketua adat yang paling nyata boleh dilihat dalam soal harta pusaka benar. Pada lazimnya harta pusaka benar ini diletakan di bawah pengawasan ketua adat seperti yang di bayangkan dalam kata perbilangan:

Sawah yang berjinjang
 Pinang yang gayu
 Nyior yang saka 16
 Lembaga yang punya.

Ini bermakna Lembaga mempunyai kuasa yang besar atas tanah pusaka benar. Dalam soal perwarisan harta terdapat tiga unsur penting yang perlu diperhatikan dan diselesaikan menurut hukum adat waris itu:

- i. Ada yang meninggal dunia
- ii. Ada ahli waris yang akan mewarisi
- iii. Ada harta peninggalan simati.

Dalam peraturan adat tanah pusaka bagi Air Kaki Lingkungan, adalah ditetapkan bahawa tanah pusaka kampung dan sawah dalam lingkungan Istana merupakan milik turun temurun. Justeru itu penjualan harta pusaka amatlah dilarang dalam Adat. Dalam hal ini Ketua adat haruslah berperanan penting untuk mempertahankan harta ini daripada dijual. Walau bagaimanapun ada beberapa syarat yang membolehkan harta khususnya tanah pusaka untuk dijual, seperti kata perbilangan adat:

Rumah Gadang ketirisan
Adat pusaka tak berdiri
Gadis Gadang tak berlaki
Mayat terbujur di tengah rumah.

Perbilangan tersebut jelas memperlihatkan bahawa ia melibatkan marwah suku. Tetapi kemungkinan seperti itu wujud adalah amat sedikit. Namun jika sekiranya terpaksa dijual maka bagi orang Air Kaki Lingkungan bolehlah menjual tanah pusakanya antara satu sama lain yakni dalam lingkungannya sahaja dengan kebenaran ketuanya Orang Empat Istana atau salah seorang Apit Lempang Orang Empat Istana. Tidaklah sekali-kali dibenarkan mereka menjualkan tanah pusaka kepada orang suku 12. Menurut Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan) 1960:

Tiada sebarang tanah lengkongan atau
apa-apa kepentingan di dalamnya boleh
dipindah milik atau dipajak kepada

mana-mana orang selain daripada anggota kepada suku yang dinyatakan...¹⁷

Pada teorinya adat tanah pusaka bagi Air Kaki Lingkungan dikatakan adalah menurut Adat Temenggung yang bersetuju dengan syarak. Akan tetapi pada praktiknya apabila mati seorang perempuan Lingkungan tidaklah ada hak anak lelaki untuk menuntut harta pusaka adat ibunya. Jika ia tidak ada meninggalkan anak maka dicari warisnya mengikut adat dalam Air Kaki Lingkungan sahaja.¹⁸ Menurut Tuan Haji Mohd. Nor pembahagian harta pusaka Adat Lingkungan adalah diturunkan sama banyak kepada anak-anak baik lelaki maupun perempuan.

¹⁷ Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan) 1960, trans., Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan.

¹⁸ J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h.212.

Selanjutnya apabila anak lelaki itu mati, hartanya tidak diwarisi oleh anaknya tetapi kembali kepada waris perempuan.¹⁹ Sebagai contohnya si A mempunyai seorang anak lelaki (katalah B) dan dua orang anak perempuan (katalah C dan D). Apabila A mati, ketiga-tiga anaknya menerima harta pusaka sebanyak $\frac{1}{3}$ tiap seorang. Kemudian apabila B mati harta tersebut akan pindah kepada warisnya C dan D (perempuan) sebanyak $\frac{1}{6}$ tiap seorang. Ini bermakna anak-anak si B tidak berhak memperolehi harta tersebut.

Tegasnya terdapat 'kekeliruan' dalam pembahagian harta pusaka dalam Adat Lingkungan. Adalah sukar untuk kita menerima pandangan sama ada ianya mengikut Adat Temenggung ataupun mengikut syarak. Selanjutnya jika seorang semenda bukannya orang Air Kaki Lingkungan, ia tidak dibenarkan menerima harta tanah pusaka daripada isterinya atau anaknya walau dengan jalan apa pun.²⁰ Demikian juga jika seorang dari suku Lingkungan menyemenda ke dalam suku 12 hendaklah diturunkan tanah pusaka isterinya mengikut Adat Perpatih; dan anak lelaki atau waris di dalam syarak tidak boleh menuntut.

¹⁹ Temubual dengan Tuan Haji Mohd. Nor, di Kuala Pilah pada 10.10.1986

²⁰ Hal ini adalah serupa sepertimana dalam Adat Perpatih. Keterangan lanjut mengenai konsep harta sila lihat Appendix I dan IV.

Seringkali juga berlaku dalam Air Lingkungan di mana Tanah Pusaka diturunkan kepada anak perempuan dan diganti bahagian anak lelaki itu dengan wang atau harta yang lain. Ini menunjukkan tidak ada keselarasan ataupun ketetapan amalan adat dalam masyarakat Adat Lingkungan.

Satu perkara yang menyentuh tentang sistem pemilikan tanah adat telah timbul dalam tahun 1909 dalam satu undang-undang yang dikenali sebagai 'The Customary Tenure Enactment'.²¹ Enakmen 1909 ini kemudiannya dipinda dalam tahun 1926 dan sekali lagi dalam tahun 1930. Dengan enakmen tersebut maka pegawai-pegawai kerajaan di Pejabat Daerah tempatan bertindak sebagai Pemungut Hasil Tanah (Collector of Land Revenue) dan diberi kuasa untuk menjaga tanah-tanah pusaka sama ada pemindahan atau penjualannya mengikut batas-batas yang ditetapkan dalam Undang-Undang Adat. Hal ini secara tidak langsung telah mengurangkan peranan ketua adat dalam soal yang berhubung dengan tanah pusaka sesuatu suku itu.

²¹ Enakmen Pemegang Adat 1909, trans. Pengarah Tanah dan Galian, N. Sembilan; Lihat juga Lokman Yusof, 'As Seen In Land Inheritance, h.14

Sekiranya hendak menuntut untuk mendaftarkan diri sebagai pengganti pemilik tanah pusaka seseorang itu mestilah membuat permohonan kepada Pemungut (collector) untuk dicatatkan namanya sebagai pemilik berdaftar. Pemungut kemudian menghantar notis kepada setiap ahli waris yang lain supaya hadir pada hari yang ditetapkan di Pejabat Tanah.²² Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli waris yang lain mengeluarkan pendapat masing-masing sama ada setuju atau ada tentangan. Harus juga dinyatakan di sini bahawa sebelum perbicaraan dijalankan waris-waris ini dikehendaki mengangkat sumpah.²³ Semasa perbicaraan diadakan di Pejabat Tanah ia dihadiri oleh ahli-ahli waris, Datuk Lembaga dan wakil kerajaan iaitu Pengarah Tanah dan Galian. Dalam hal ini peranan Lembaga hanya menjadi saksi kepada setiap keterangan ahli waris.

Ternyata di sini bahawa dalam urusan dengan Pejabat Tanah hanya peranan Lembaga sahaja diperlukan. Sementara Buapak yang mempunyai hubungan rapat dengan anak buah bertindak sebagai orang perantaraan antara anak buah dengan Lembaga.

22

Contoh Notis ini sila lihat Appendix V.

23

Temubual dengan Tuan Haji Mohd. Nor bin A. Hamid, di Kuala Pilah pada 20.1.1987.

Segala keterangan yang berhubung dengan pertalian sanak saudara sipemohon adalah menjadi tanggungjawab Buapak untuk menyiasatnya dan kemudian akan memberitahu kedudukan satu-satu perkara kepada Lembaga.

Sekiranya terdapat sesuatu keluarga yang tidak mengikuti pertalian sanak saudara yang sepatutnya atau pun kalau ada sebarang 'appeal' maka satu lagi perbicaraan yang lebih tinggi perlu diadakan. Biasanya dalam perbicaraan itu dihadiri oleh wakil Yamtuan dan wakil kerajaan sahaja.²⁴ Menurut Tuan Haji Mohd. Nor. pada peringkat ini kehadiran ahli waris atau Lembaga tidaklah perlu kerana peranan mereka hanya sebagai saksi dalam perbicaraan peringkat yang pertama tadi.²⁵

Berhubung dengan ini Abdullah Siddik menyebutkan bahawa dengan adanya Enakmen 1909 (The Customary Tenure Enactment 1909) menyebabkan kepala masyarakat hukum adat (Lembaga) tidak lagi mempunyai kuasa pemutus.

²⁴ Keadaan ini berbeza dalam kawasan yang di bawah pentadbiran Undang dan Penghulu Luak yang mengamalkan Adat Papatih. ^{Di bawah pentadbiran Undang,} perbicaraan peringkat tinggi haruslah dihadiri oleh Undang dan Wakil kerajaan. Sementara dalam kawasan Penghulu Luak Penghulu Luak perbicaraan yang sama haruslah dihadiri oleh wakil Tuanku, Penghulu Luak dan wakil kerajaan. Temubual dengan Tuan Haji Mohd. Nor di Kuala Pilah pada 20.1.1987.

²⁵ Temubual dengan Tuan Haji Mohd. Nor di Kuala Pilah pada 20.1.1987.

Peranannya hanya terhad sebagai saksi yang memberi keterangan tentang kedudukan satu-satu perkara seperti pertalian sanak saudara yang berkaitan. Menurut beliau lagi kata putus berada di tangan Pemungut (Collector), kerana Pemungut tidak terikat kepada keterangan kepala masyarakat Hukum Adat.²⁶ Walau bagaimanapun pendapat ini masih boleh dipertikaikan kerana Lembaga harus memberi keterangan mengenai segala hal yang berhubung dengan ahli-ahli waris kepada Pemungut. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada pendapat Tuan Haji Mohd. Nor bahawa kalau tiada Lembaga perbicaraan tidak akan dapat dijalankan dan keputusan seseorang Pemungut itu tertakluk kepada keterangan Lembaga. Jika Lembaga memberi keterangan palsu maka dipercayai bahawa ia akan dimakan "sumpah".²⁷

Ternyata di sini bahawa peranan Lembaga dalam soal pembahagian dan penjualan harta pusaka adat masih lagi diperlukan. Namun jika diteliti lebih mendalam peranan mereka tidaklah lagi sepenting pada zaman sebelum adanya pengaruh penjajah.

²⁶ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat, h.148.

²⁷ Temubual dengan Tuan Haji Mohd. Nor bin A. Hamid di Kuala Pilah pada 20.1.1987.

Menurut Haji Abbas bin Ali :

Sejak kurang lebih 40 tahun, bila daerah telah dipecahkan kepada beberapa mukim dan Penghulu Mukim telah diadakan maka kuasa Datuk-datuk Lembaga yang khususnya bertanggungjawab dalam urusan tanah mengikut peranan mereka pada mula-mulanya telah tidak lagi penting kecuali dalam hal-hal mengenai penukaran nama tanah pusaka sahaja kerana dia menentukan jika dikehendaki oleh Pegawai Daerah.²⁸

Tegasnya peranan Lembaga pada zaman tradisi adalah lebih meluas baik dalam soal pembahagian harta pusaka maupun dalam soal adat isitiadat yang lain. Peranan ketua adat juga dapat dilihat dalam jenis-jenis harta yang lain iaitu harta carian dan harta bawaan. Dalam konteks pembahagian harta carian dan harta bawaan, Buapak berperanan dalam menentukannya kepada sesiapa yang berhak. Menurut Parr dan Mackray mengenai peranan ketua adat dalam harta jenis ini:

...the bridegroom's private property (harta terbawa) must be declared in his presence, he makes the division of acquired property (harta pencarian) at divorce.²⁹

²⁸ Haji Abbas bin Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan secara Umum)", K/K Seminar Pensejarahan & Adat Pepatih, anjuran Majlis Belia N. Sembilan, 10-12 April 1974, h.13.

²⁹ C.E.c. Parr & W.H. Mackray, "Rembau. One of the Nine States, Its History, Constitution and Customs", JSBRAS, Vol.LVI, 1910, h.36.

R.O. Winstedt juga ada menyebutkan tentang peranan ketua adat ini sebagai berikut:

...while the tribal chief is expressly concerned with tribal lands, the elder is the proper qualified witness for all formal payments made to or by a member of the sub-tribe, the declaration of a husband's private property at marriage and its return at divorce.³⁰

Di sini peranan Buapak dalam soal harta bawaan ialah mengistiharkan harta itu semasa hari perkahwinan. Sementara dalam harta carian pula Buapak menentukan bahagian untuk isteri, suami dan anak-anak semasa bercerai. Pada masa kini peranan Buapak dalam soal pembahagian harta ini tidak begitu dipraktikan kecuali jika wujud kerumitan yang besar sehingga memerlukan peranan Buapak dalam penyelesaiannya.

Dalam istiadat perkahwinan atau persemendaan peranan Buapak kelihatan agak lebih ketara. Sementara peranan Lembaga hanya sebagai tempat merujuk bagi Buapak jika terdapat sebarang masalah yang rumit dan tidak dapat diselesaikan oleh Buapak. Di kalangan masyarakat Melayu amnya perkahwinan disambut dengan berbagai adat istiadat. Perkahwinan dapat dilihat dari dua aspek iaitu agama dan adat istiadat.

³⁰ R.O. Winstedt, The Malays A Cultural History, Routledge & Keagan Paul Ltd., London, 1961, h.82; R.O. Winstedt The Minangkabau Polity , JMBRAS, Vol.12, Pt.II 1934, h.87.

Tuntutan agama dalam perkahwinan yang utama sekali ialah upacara nikah dan kemudian disertai dengan upacara-upacara lain yang dianggap penting dari segi adat dan tradisi seperti meminang, mengembang cincin,³¹ menghantar belanja, berinai, bersanding dan lain-lain.³³ Pada tahap-tahap upacara inilah nanti dapat dilihat peranan Buapak dalam hal persemendaan.

Berhubung dengan soal persemendaan ini terdapat peraturan-peraturan tertentu dalam adat apabila seseorang lelaki menyemenda ke dalam mana-mana suku dalam Air Kaki Lingkungan. Sebagaimana dalam masyarakat lain, dalam masyarakat Adat Lingkungan juga menjalankan adat pinang meminang dan cincin merupakan elemen penting sebagai tanda peminangan akan tetapi ia mempunyai syarat-syarat tertentu.

³¹ Istiadat mengembang cincin bermaksud istiadat memberitahu Buapak dan segala yang seadat dan seresam untuk menentukan hari perkahwinan. Temubual dengan Tuan Haji Ibrahim bin Jaafar di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 25.1.1987.

³² Mazenah bte Piei, Peranan Ketua Adat, h.26

Jika anak perempuan dari suku Batu Hampar Air Kaki dipinang oleh lelaki dari suku l2 atau masyarakat luar hendaklah dengan dua bentuk cincin, iaitu sebetuk cincin bergunta dan sebetuk cincin bunga serunai.³³ Manakala anak perempuan dari Air Kaki Lingkungan dengan dua bentuk cincin bunga serunai sahaja. Selain dari itu maskahwin bagi masyarakat Adat Lingkungan adalah berbeza dari suku l2, misalnya pada masa kini maskahwin bagi Adat Lingkungan ialah \$52.00 dan Adat Papatih \$48.00.³⁴ Di samping itu dalam masyarakat Adat Lingkungan terdapat pemberian khas untuk Buapak yang disebut 'mas mannah'.³⁵ Sekiranya lelaki dari suku Lingkungan berkahwin dengan perempuan suku l2 mas mannahnya ialah \$12.00 dan sebaliknya jika lelaki dari suku l2 berkahwin dengan perempuan suku Lingkungan mas mannahnya pula ialah sebanyak \$14.00.

³³ Corak cincin bunga serunai ialah, bahagian atasnya adalah melebar dan mempunyai ukiran-ukiran. Sementara cincin bergunta pula bahagian atasnya meninggi dan berukir. Tetapi sekarang syarat-syarat ini tidak lagi menjadi satu kemestian dan ia terpulang kepada persetujuan kedua pihak; Temubual dengan Datuk Besar Meon bin Abu Bakar di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 3.11.1986.

³⁴ Temubual dengan Datuk Panglima Jaya Hassan b. Salleh di Kampung Buyau, Seri Menanti pada 19.1.1987.

³⁵ 'Mas Mannah' merupakan pemberian berbentuk wang yang dikhaskan untuk Buapak sebagai hadiah.

Tetapi andainya perkahwinan berlaku antara suku-suku dalam lingkungan sahaja maka tidak ada mas mannah. Pada pandangan penulis pemberian mas mannah ini merupakan hadiah khas untuk Buapak yang telah banyak menyumbangkan tenaga dalam hal persemendaan ini sejak mula hingga berakhirnya upacara tersebut.

Seterusnya peranan Buapak dapat dilihat jika berlaku perlanggaran adat sebagaimana yang disebut oleh J.J.Sheehan sebagai merumah atau menyerah³⁶ tanpa mengikut 'tali yang merentang, jalan yang berlatih'³⁷ maka dikenakan bayaran maskahwin sebagai berikut:³⁸

i.	Anak Dara Air Kaki	\$120.00
	Batu Hampar	
	Janda Air Kaki Batu	
	Hampar	\$ 60.00
ii.	Anak Dara Air Kaki	\$ 80.00
	Lingkungan	
	Janda Air Kaki	\$ 40.00
	Lingkungan	

³⁶ Sila lihat appendix II

³⁷ Perbilangan ini bermaksud berkahwin tanpa mengikut adat iaitu tidak bercincin. Peranan Buapak di sini ialah menghantar dua menti (utusan) yang terdiri dari orang semenda untuk pergi menuntut adat (maskahwin) dari pihak waris lelaki. Temubual dengan Datuk Panglima Jaya Hassan b. Salleh di Kampung Buyau pada 19.1.1987.

³⁸ J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h.211

Perlu juga dinyatakan disini bahawa dalam adat semenda menyemenda bagi Adat Lingkungan adalah dibenarkan berlaku di dalam suku (endogami) tetapi tidaklah digalakkan. Sedangkan dalam Adat Perpatih kahwin sesuku adalah larangan utama kerana menurut kepercayaan keturunan hasil dari perkahwinan itu akan ada cacat celanya - tidak cukup sifat, bodoh dan sebagainya.³⁹

Menurut Adat Seri Menanti jika seseorang lelaki daripada Air Kaki Lingkungan berkahwin dengan perempuan dari suku 12 hendaklah perempuan itu 'keluar' dengan segala hartanya daripada lingkungan Lembaganya.⁴⁰ Akan tetapi lazimnya yang berlaku pada masa sekarang orang Lingkungan itu menumpang sahaja di atas tanah pusaka isterinya dan anaknya mengikut adat ibunya. Ini bermakna pertalian antara seseorang lelaki dengan sukunya sendiri 'terputus' secara otomatik sebaik sahaja ia berkahwin.⁴¹

³⁹ Sila lihat appendix III

⁴⁰ J.J. Sheehan & Abd. Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h.211

⁴¹ Hal ini serupa sepertimana dalam Adat Pepatih.

Di samping itu seseorang suami mempunyai kewajiban terhadap suku isterinya sebagaimana menurut perbilangan adat:⁴²

orang semenda seresam
orang tempat semenda seadat.

Orang semenda harus patuh pada tatatertib hidup bermasyarakat dalam suku isterinya dan mereka adalah diharapkan berkelakuan baik serta tidak melanggar pantang larang adat seperti kata perbilangan:⁴³

Diberi satu ambil dua
Enau sebatang dua sigai
Pelesit dua sekampung.

Perbincangan tersebut memperlihatkan bahawa, adat melarang seseorang Orang Semenda bertujuan tidak baik terhadap anggota-anggota perempuan dalam rumah isterinya.

Jadi setiap peraturan tersebut haruslah dipatuhi. Dalam hal ini ketua adat haruslah memastikan bahawa segala peraturan-peraturan tersebut dijalankan dengan sempurna dan tidak berlaku pelanggaran adat. Perlu difahamkan bahawa upacara dan adat istiadat perkahwinan dalam Adat Lingkungan tidak banyak berbeza dengan Adat Perpatih kecuali dalam soal maskahwin dan lain-lain syarat yang telah dijelaskan diatas tadi.

⁴² Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-undang, h.77

⁴³ Pantang larang dalam Adat Lingkungan ini adalah serupa dengan Adat Perpatih; Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof, di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 23.7.1986.

Apa yang nyata peranan Buapak begitu penting dalam hal mengatur kerja untuk persiapan dihari kenduri itu. Sebagai pemimpin adat yang dihormati segala arahan dan nasihat Buapak haruslah dipatuhi oleh anak buah. Sebarang perselisihan yang wujud Buapak bertanggungjawab menyelesaikannya dan andaikata ia tidak mampu menyelesaikan masalah itu akan dirujuk pula kepada Lembaga.⁴⁴

Ternyata di sini bahawa peranan ketua adat khususnya Buapak dan Lembaga dalam masyarakat Adat Lingkungan agak menyeluruh atau meluas dalam segala aspek yang merangkumi adat istiadat dan kehidupan seharian. Baik dalam soal perselisihan anak buah, persemendaan, pembahagian harta maupun dalam segala hal yang berhubung dengan adat istiadat memperlihatkan fungsi dan peranan pemimpin-pemimpin adat ini.

44

Sekiranya pertelingkahan berlaku antara ketua-ketua adat (misalnya antara Lembaga dengan Lembaga) yang sukar diselesaikan, masalah ini akan dirujuk kepada Penyelia Adat untuk penyelesaian. Andaikata pada peringkat ini masalah itu masih tidak dapat diatasi, Penyelia Adat akan menyembahkan kepada Yamtuan untuk membuat keputusan; Temubual dengan Yang Mulia Tunku Alang Astor b. Tengku Mohd. Sharif di Kuala Pilah pada 27.1.1987.

Secara keseluruhannya golongan pemimpin mempunyai peranan dalam menjaga kesejahteraan hidup anak buahnya atau orang yang di bawa pimpinannya. Di dalam Adat Lingkungan terdapat berbagai undang-undang atau hukum adat sebagai peraturan dan pedoman hidup bermasyarakat. Tetapi hukum adat ini pada lazimnya tersimpul dalam kata-kata perbilangan adat yang menjadi panduan kepada pemimpin-pemimpin adat ini dalam menjalankan tugasnya. Tegasnya berdasarkan kata-kata perbilangan adat itulah seseorang pemimpin adat menjalankan tindakan yang harus dilakukannya jika berlaku sesuatu masalah dan kekusutan serta apa juga permasalahan yang timbul yang memerlukan pandangan dan nasihat pemimpin tersebut.

B. Peranan Pemimpin Adat dalam Adat Istiadat Istana.

Apa yang dimaksudkan dengan pemimpin adat di sini ialah pegawai-pegawai Istana yang berperanan dalam menyempurnakan adat istiadat di Istana. Di kalangan pegawai-pegawai Istana ini ada diantaranya yang terdiri dari pemimpin-pemimpin adat masyarakat Lingkungan khususnya Buapak dan Lembaga-Lembaga yang berjawatan seperti Orang Empat Istana, Pegawai Yang Enam, Apit Lempang Orang Empat Istana dan sebahagian dari Pegawai 99.

Struktur organisasi Pegawai-pegawai Istana telah pun dijelaskan dalam bab yang lepas. Daripada struktur tersebut ternyata bahawa jawatan Istana yang tertinggi adalah dipegang oleh anggota-anggota diraja iaitu Putera Yang Empat. Putera Yang Empat ini terdiri daripada:

- i. Tunku Besar
- ii. Tunku Laksamana
- iii. Tunku Muda Serting
- iv. Tunku Panglima Besar.⁴⁵

Tunku Besar berfungsi sebagai ketua kepada Putera Puteri Negeri Sembilan. Peranan baginda ialah menyambut keberangkatan DYMM Raja-raja dari luar Negeri Sembilan Istana serta menjadi wakil Yamtuan apabila dititahkan dari segi adat istiadat dan hal ehwal agama. Tunku Laksamana pula berperanan menerima penghadapan daripada datuk-datuk kecuali Orang Empat Istana dan Penghulu-penghulu Luak. Baginda juga bertanggungjawab atas segala hal ehwal menyempurnakan peraturan adat istiadat apabila diadakan majlis dalam Istana. Sementara Tunku Muda Serting bertanggungjawab atas segala lawatan DYMM keluar negeri. Tunku Panglima Besar pula berperanan menerima penghadapan Pegawai 99 serta bertanggungjawab atas hal ehwal Pegawai 99 termasuk peraturan kedudukan dalam tiap-taip majlis di Balairong Seri dan menentukan cara-cara jemputan rasmi dan cara-cara berpakaian.

⁴⁵ Tunku Panglima Besar Abdullah, Lapuran Jumaah Istiadat, h.6

Tugas dan tanggungjawab Putera yang Empat ini dibantu oleh Anak-anak Raja Bergelar iaitu:⁴⁶

- i. Tunku Imam membantu Tunku Besar.
- ii. Tunku Alang membantu Tunku Laksaman.
- iii. Tunku Kecil Besar membantu Tunku Muda Serting.
- vi. Tunku Kecil Muda membantu Tunku Panglima Besar.

Walaupun terdapat pengkhususan terhadap peranan yang dimainkan oleh Putera yang Empat namun pada praktiknya peranan mereka tidaklah spesifik seperti itu dan sebaliknya berubah antara satu sama lain mengikut keadaan. Selain dari itu peranan mereka ialah menerima sebarang pengaduan terhadap keluarga diraja dan merekalah yang menyiasat tuduhan-tuduhan itu. Misalnya kalau ada pertunangan diraja yang dibatalkan, Putera Yang Empatlah yang menentukan siapa salah siapa benar dan yang menghukumnya Yamtuan.⁴⁷ Putera Yang Empat juga menerima para Undang yang datang ke Istana Seri Menanti dan kemudiannya menyuruh Orang Empat Istana mengiringi Undang itu menghadap Yamtuan. Putera Yang Empat juga dari segi Adat Istiadat menerima ganti anggota Pegawai 99 bila ada yang meninggal dunia.⁴⁸

⁴⁶ *ibid.*, h.7

⁴⁷ Nordin Selat, *Sistem Sosial.*, h.61

⁴⁸ *ibid.*

Sebagaimana yang telah dinyatakan pada peringkat awal dahulu jawatan Orang Empat Istana merupakan jawatan tertinggi bagi anggota-anggota yang tidak berdarah raja dengan gelaran Sri Amar di Raja, Raja Diwangsa, Penghulu Dagang dan Akhir Zaman. Tugas-tugas mereka termasuklah 'memegang kunci peti benyian'⁴⁹ iaitu tempat menyimpan salasilah Raja, Undang, Penghulu, Pegawai-pegawai Istana dan peraturan-peraturan warisan jawatan. Mereka inilah yang bertanggungjawab melihat dan menyimak salasilah yang berkenaan bila seseorang itu mula memegang jawatan. Di samping itu Orang Empat Istana mestilah mengetahui segala hal adat istiadat di raja serta bertanggungjawab bagi pelaksanaan semua adat istiadat. Pendekata nasihat mereka diminta dalam semua hal protokol adat istiadat diraja. Ini bermakna Orang Empat Istana bukan sahaja bertanggung jawab sebagai Lembaga dalam halehwal sukunya tetapi juga bertanggungjawab dalam hal adat istiadat di Istana.

Sebagai pegawai Istana yang bertanggungjawab dalam soal adat istiadat, Orang Empat Istana mestilah mengetahui segala adat yang berhubung dengan Yamtuan, Tengku Ampuan atau Inche Puan dan sekelian Putera Puteri.

49

Peti adat dan pesaka.

Pepatah menyebutkan bahawa anak-anak Putera itu adalah 'peluk ambian' Orang Empat Istana.⁵⁰ Oleh itu mengikut adat, Orang Empat Istana hendaklah mengetuai serba serbi pekerjaan dengan adat istiadat seperti kata pepatah, 'pesan dituruti, pertaruh dipermalam'.

Dalam konteks ini penulis hanya menumpukan perbincangan dalam soal istiadat peminangan dan perkahwinan sahaja. Ini kerana peranan pemimpin-pemimpin adat yang menjadi fokus kajian adalah serupa sahaja dalam setiap istiadat yang dijalankan, iaitu sebagai pembantu bagi menyempurnakan aturan-aturan adat istiadat.

Peraturan istiadat peminangan diraja Negeri Sembilan dapat dibahagikan kepada empat:⁵¹

- i. Antara putera puteri Negeri Sembilan.
- ii. Antara putera luar meminang puteri Negeri Sembilan.
- iii. Antara putera N.Sembilan dengan puteri luar.
- iv. Antara puteri Negeri Sembilan dengan orang kebanyakan.

Bagi yang pertama iaitu antara putera puteri Negeri Sembilan, yang menguruskan istiadat peminangan ialah Orang Empat Istana dengan persetujuan ayahanda kedua pihak serta putera dan puteri yang berkenaan.

⁵⁰ Peluk ambian di sini bermaksud di bawah pemeliharaan.

⁵¹ Tunku Panglima Besar Abdullah, Lapuran Jumaah Istiadat., h.1.

Untuk menjaga kehormatan, jika salah satu pihak tidak bersetuju maka bolehlah memohon penyelesaian dari Putera Yang Empat dan jika jauh memadailah diurus dengan surat oleh Orang Empat Istana. Kalau elah sebelah pihak lelaki akan lonco[r]llah sebentuk cincin.⁵² Manakala kalau engkar sebelah pihak perempuan akan dikenakan dua kali ganda yakni dua bentuk cincin dikembalikan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Orang Empat Istana.

Sementara itu antara Putera luar dengan Puteri Negeri Sembilan, Orang Empat Istana berperanan sebagai perantara bagi perwakilan pihak lelaki dan pihak perempuan. Orang Empat Istana akan membawa perwakilan yang datang itu mengadap memohon titah persetujuan ayahanda dan bonda puteri itu. Selepas persetujuan dicapai hendaklah dibawa tepak sireh, sebentuk cincin dan surat peminangan.

Bagi yang ketiga iaitu antara Putera Negeri Sembilan dengan Puteri luar, Orang Empat Istana berperanan sebagai wakil bagi pihak lelaki untuk mendapatkan persetujuan dari pihak perempuan. Akan tetapi caranya adalah mengikut adat sebelah pihak perempuan.

⁵² Ini bermakna akan terputuslah pertunangan itu dan cincin itu tidak akan dikembalikan.

Manakala yang keempat jika berkahwin dengan orang kebanyakan ianya adalah terkeluar dari adat biasa dan tidak semestinya diuruskan oleh Orang Empat Istana.

Dalam istiadat nikah kahwin pula peranan yang dimainkan oleh Orang Empat Istana ini agak jelas. Dalam istiadat ini Orang Empat Istana akan mempersilakan pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan dengan peraturan adat istiadat, sekurang-kurangnya dengan membawa sebuah tepak sireh. Maskahwin bagi anak-anak raja ialah \$720.00 atau pun boleh ditetapkan oleh kedua belah pihak melalui muafakat. Pada lazimnya puteri kepada Putera Yang Empat maskahwinnya tetap \$750.00 dan puteri DYMM tetap \$1000.00.⁵³ Antara persediaan-persediaan lain ialah pakaian, sebetuk cincin pembatalan air sembahyang dan kueh mueh, bagi anak-anak raja ialah sekurang-kurangnya lima dulang; puteri kepada Putera Yang Empat ialah tujuh dulang; dan puteri kepada DYMM sembilan dulang. Sementara wang istiadatnya sebahara iaitu \$14.00. Dari segi wang hantaran pula terpulanglah kepada kedua belah pihak tetapi sekurang-kurangnya puteri biasa \$300.00, Puteri kepada Putera Yang Empat \$700.00 dan Puteri DYMM \$1000.00.⁵⁴

⁵³ Tunku Panglima Besar Abdullah, Lapuran Jumaah Istiadat., h.1

⁵⁴ Pada masa kini wang hantaran tersebut telah melebihi dari jumlah tersebut dan terpulang kepada persetujuan kedua belah pihak.

Penerimaan mahar (maskahwin) bagi puteri DYMM dilakukan oleh Datuk Penghulu Luak Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir dengan disaksikan oleh Orang Empat Istana. Setelah itu Datuk Penghulu Luak Muar dan salah seorang Orang Empat Istana serta rombongan diraja sebelah lelaki menghadap DYMM dengan disaksikan oleh Putera Yang Empat, Anak Raja Bergelar serta kaum keluarga diraja dan disudahi dengan doa selamat. Bagi yang mengiringkan pengantin lelaki, kalau puteri biasa sekurang-kurangnya seorang Orang Empat Istana; bagi puteri Putera Yang Empat sekurang-kurangnya seorang Anak Raja Bergelar dan dua orang Orang Empat Istana; manakala bagi puteri DYMM diketuai oleh seorang Putera Yang Empat. Jika Putera DYMM kahwin dengan orang kebanyakan dengan titah DYMM memadailah sekurang-kurangnya diketahui oleh seorang Anak Raja Bergelar, seorang Orang Empat Istana dan Datuk-datuk yang berjawatan.⁵⁵

Dalam istiadat akad nikah pula (bagi puteri DYMM) seorang daripada Orang Empat Istana bersama-sama wakil wali pergi menghadap DYMM memohon titah untuk memulakan istiadat.

⁵⁵ Tunku Panglima Besar Abdullah, Lapuran Jumaah Istiadat ., h.2

Setelah akad nikah dijalankan alamt meriam akan dibunyikan sebanyak lapan das. Kemudian Datuk Bentara Dalam mempersilakan pengantin ke istiadat membatalakan air sembahyang.⁵⁶

Dalam istiadat bersanding Datuk Bentara Dalam dan Bentara Perempuan mempersilakan pengantin lelaki dan perempuan ke istiadat tersebut dan dikelolakan oleh Orang Empat Istana untuk merenjisikan 'Air Selamat'.⁵⁷ Upacara merenjisikan 'Air Selamat' ditetapkan oleh Orang Empat Istana setelah berunding dengan pihak lelaki dan perempuan. Jika Orang Empat Istana tidak berpuas hati maka salah seorang Putera Yang Empat ataupun Anak Raja Bergelar akan menyelesaikannya.

Pada lazimnya dalam istiadat perkahwinan diraja Negeri Sembilan diadakan istiadat bersiram di atas 'Panca Persada'.⁵⁸ Untuk menuju ke Panca Persada ini kedua-dua pengantin diraja diarak dari Istana dengan manaiki 'Takhta Rencana'. Tembakan meriam dilepaskan sebanyak lapan das menandakan istiadat bersiram akan dimulakan dan Orang Empat Istana mengadap memohon titah DYMM untuk memulakan istiadat.

⁵⁶ Pada masa itu pengantin lelaki akan menyalurkan cincin ke jari pengantin perempuan.

⁵⁷ Peraturan merenjis 'Air Selamat' ini sila lihat appendix VIII.

⁵⁸ Panca Persada ialah tempat bersiram dan bersanding setinggi 10 tingkat anak tangga yang terletak di luar perkarangan Istana untuk disaksikan oleh para rakyat jelata; lihat gambar 1.

Bentara Dalam dan Bentara Perempuan mempersilakan pengantin diraja menaiki Takhta Renchana. Terdapat beberapa aturan tertentu dalam istiadat perarakan ini sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jemaah Istiadat Istana.⁵⁹

Semasa di atas Panca Persada, Datuk Kanda Maharaja, Datuk Panglima Gajah dan Datuk Bentara Perempuan berdiri di belakang pengantin Diraja berdua. Setelah Datuk-datuk Penghulu Tanah Mengandung dan datuk-datuk yang lain mengambil tempat masing-masing, Orang Empat Istana memulakan peranannya untuk memulakan istiadat bersiram ini. Datuk Seri Amar Diraja mengambil bedak yang dibawa oleh Raja Penghulu lalu melangkah ke tingkat kedua dari atas diikuti oleh Datuk Raja Diwangsa, Datuk Penghulu Dagang dan Datuk Akhir Zaman dan kemudian berjalan keliling tujuh kali. Kemudian seorang demi seorang menyembah bedak limau kepada pengantin Diraja berdua. Kemudian diikuti oleh pertunjukan pencak silat dihadapan Panca Persada dan istiadat bersiram pun bermula. Kira-kira 15 minit istiadat bersiram selesai dan pengantin Diraja berarak balik ke Istana mengikut aturan perarakan seperti di atas tadi. Tembakan meriam dilepaskan sebanyak lapan

⁵⁹ Sila lihat appendix VI

das menandakan keberangkatan balik pengantin Diraja.⁶⁰

Daripada keterangan-keterangan yang berhubung dengan adat istiadat tersebut jelas memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh Orang Empat Istana. Ternyata mereka itu sentiasa menjunjung titah perintah diraja serta meyempurnakan segala aturan adat istiadat dalam Istana termasuk hal-hal yang berhubung dengan anak-anak raja Negeri Sembilan. Di sini penulis mengemukakan peranan Orang Empat Istana secara lebih khusus seperti yang dipetik dari Lapuran Jemaah Istiadat Istana:⁶¹

1) Datuk Seri Amar Di raja


- a. Berperanan menurunkan daulat⁶² dalam istiadat perbatalan DYMM Yang di Pertuan Besar.
- b. Mendahului merenjis air untuk menepung tawar dalam adat istiadat seperti bersiram, bersanding berinai dan lain-lain.
- c. Menyambut kesampaian Undang Luak Sungai Ujong ke Istana.

⁶⁰ Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja N. Sembilan 1969 antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertuan Besar dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Mulia Tunku Muzaffar putera Yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapha ibni Tunku Besar Burhanuddin.

⁶¹ Tunku Panglima Besar Abdullah, Lapuran Jumaah Istiadat., h.7

⁶² Daulat di sini bermaksud alat kebesaran di raja N. Sembilan yang di bawa oleh Raja Melewar dari Pagarruyung. Daulat ini berupa sehelai rambut yang panjang melingkari penuh sebuah batil.

PANCA PERSADA : TEMPAT BERSIRAM & PERSANDINGAN
PENGANTIN DIRAJA.



Gambar 1

2) Datuk Raja Diwangsa

- a. Menyeru dan menghebahkan kepada datuk-datuk dan pegawai-pegawai Istana semasa istiadat menurunkan alat-alat kebesaran di halaman Istana.
- b. Mempersilakan Undang Yang Empat ke rumah telapakan ⁶³ sebelum mengadap menyempurnakan kejadiannya ke Istana.
- c. Memberitahu Datuk-datuk Lembaga Empat Muar ⁶⁴ untuk mempersilakan Undang Yang Empat daripada balainya ke Istana Besar semasa istiadat pertabalan.
- d. Menyambut kesampaian Undang Luak Jelebu ke Istana.

3) Datuk Penghulu Dagang

- a. Mengatur kedudukan datuk-datuk yang berjawatan di Balairong Seri dan dalam adat istiadat.

⁶³

Rumah Telapakan ialah rumah tempat persinggahan Undang Yang Empat sebelum mengadap Yamtuan, Misalnya.

⁶⁴

Datuk-datuk Lembaga Empat Muar ialah :

- a. Datuk Paduka Besar
- b. Datuk Seri Maharaja
- c. Datuk Senara Muda
- d. Datuk Orang Kaya Bungsu

- b. Menentukan masa untuk mengadakan dikir rebana, cak lempong⁶⁵ dan pencak silat di Pancha Persada dan Balairong Seri.
- c. Menentukan alamat meriam dibunyikan.
- d. Menyambut kesampaian Undang Luak Johol ke Istana.

4) Datuk Akhir Zaman

- a. Mengatur datuk-datuk pegawai semasa istiadat memasang alat kebesaran di halaman Istana.
- b. Menentu dan mengatutkan Datuk Pegawai 99 membawa alat kebesaran semasa istiadat berarak ke Panca Persada untuk bersiram dan lain-lain istiadat.
- c. Menyambut kesampaian Undang Luak Rembau ke Istana.

Menurut Datuk Penghulu Dagang sekiranya salah seorang daripada Datuk Orang Empat Istana itu tidak dapat hadir, tugasnya akan digantikan oleh salah seorang dari datuk yang tiga lainnya.

⁶⁵ Dikir rebana dan cak lempong merupakan alat-alat bunyian yang sering digunakan dalam adat istiadat di Istana.

Ini bermakna setiap orang memegang jawatan Orang Empat Istana itu mestilah mengetahui atau memahami tugas dan tanggungjawab antara satu sama lain agar tidak timbul sebarang masalah jika tenaga mereka diperlukan bagi menggantikan salah seorang di kalangan mereka.⁶⁶

Haruslah juga diketahui bahawa tugas dan peranan Orang Empat Istana dalam segala adat istiadat adalah dibantu oleh Datuk-datuk dan pegawai-pegawai Istana yang lain seperti Pegawai Yang Enam dan Apit Lempang Orang Empat Istana serta Pegawai 99.

Tugas utama Pegawai Yang Enam ialah membantu Orang Empat Istana mengeluarkan alat-alat kebesaran di raja dalam upacara-upacara tertentu dan kemudian menolong menyimpannya. Selain dari itu Datuk Johan iaitu salah seorang Pegawai Yang Enam turut membantu Orang Empat Istana menerima tetamu bertaraf dan Datuk Andatar (Pegawai Yang Enam) pula menolong menyambut Undang sebelum disampaikan kepada Orang Empat Istana. Ini jelas melalui kenyataan Martin Lister:⁶⁷

⁶⁶ Temubual dengan Datuk Penghulu Dagang di Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti pada 28.1.1987.

⁶⁷ Martin Lister, "The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution", JSBRAS, Vol.XIV, 1887, P.51

Johan is the officer who receives Rajas arriving from other countries; for instance, if the Yam Tuan of Selangor were to visit the Yam Tuan of Sri Menanti Johan would go to meet him and bring him to the Istana, where he would be received by the Orang Ampat first.

Andatar's office is to receive the Undang of other States, such as the Klana of Sungai Ujong, or the Dato' of Jelebu, or the To' Engku of Klang. He brings them to the Istana where he hands them over to the Orang Ampat.

Beliau juga menjelaskan peranan lain-lain Pegawai Yang Enam sebagai berikut:

Laksamana and Laksamana are the principal sword and spear bearers. Panglima Sutan and Panglima Raja are the messengers, who are sent in connection with the decease of the Yam Tuan.⁶⁸

Selain dari itu semasa menurunkan alat-alat kebesaran diraja, Pegawai Yang Enam dikehendaki mestilah hadir. Menurut adatnya Pegawai Yang Enam menyambut alat kebesaran itu daripada Datuk Penghulu Dagang; Datuk Penghulu Dagang pula menyambutnya dari Datuk Akhir Zaman; Akhir Zaman dari Raja Diwangsa; dan Raja Diwangsa dari Datuk Seri Amar Di raja. Dari segi adatnya dikatakan bahawa, 'Amar Di raja di dalam bilik, Datuk Raja Diwangsa diluar bilik, Akhir Zaman di tengah rumah, Penghulu Dagang di serambi'.⁶⁹

⁶⁸ ibid., pp. 51-52.

⁶⁹ J.J Sheehan & Abd Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah., h.203.

Sementara Datuk Johan yang sedia menanti di halaman Istana menyeru kepada lain-lain Pegawai Yang Enam menyuruh mereka menyambut alat-alat kebesaran itu. Peraturan mengeluarkan alat kebesaran seperti ini dilakukan setiap kali hendak mengadakan adat Istiadat di Istana.

Tugas dan peranan Apit Lempang pula diibaratkan sebagaimana Orang Empat Istana memegang hak dalam Istana. Walau bagaimanapun mereka ini lebih dianggap sebagai pembantu Orang Empat Istana dalam segala hal ehwal adat Istiadat di Istana. Terdapat enam orang Apit Lempang Orang Empat Istana ini dan gelaran-gelaran mereka telah pun dinyatakan dalam bab yang lepas. Empat orang daripada mereka iaitu Datuk Besar, Datuk Andika, Datuk Sutan Bentara dan Datuk Raja Panglima turut mempunyai tanggungjawab terhadap anak buah masing-masing dalam lingkungannya kerana mereka merupakan Lembaga bagi sukunya.⁷⁰

70

Datuk Besar merupakan Lembaga bagi suku Tiga Batu Lingkungan Kampung Buyau dan Tanjung Beringin, Seri Menanti. Sementara Datuk Andika, Datuk Sutan Bentara dan Datuk Raja Panglima adalah Lembaga bagi suku-suku yang mengamalkan Adat Lingkungan di luar Seri Menanti.

Sementara itu terdapat satu lagi jawatan Istana yang disebut sebagai Pegawai 99.⁷¹ Mereka ini bukan sahaja terdiri dari kalangan anggota masyarakat Air Kaki Lingkungan tetapi juga dari lain-lain suku di kawasan Luak Tanah Mengandung. Antaranya 12 orang dari Luak Ulu Muar, 12 Jempol, 6 Terachi, 6 Gunung Pasir dan ada juga dari Inas, Gemencheh dan Air Kuning. Terdapat juga sebilangan kecil dari Rembau walaupun Rembau tidak termasuk dalam Luak Tanah Mengandung.

Pada teorinya Pegawai 99 ini bertugas menguatkuasakan larangan Raja. Sekiranya ada rakyat yang melanggar larangan ini,⁷² Pegawai 99 akan melaporkannya kepada Orang Empat Istana, Pegawai Yang Enam atau Apit Lempang Orang Empat Istana supaya dipersembahkan kepada pengetahuan Yamtuan. Akan tetapi pada masa kini peranan mereka lebih berbentuk adat istiadat. Mereka dikehendaki hadir dalam segala upacara dan istiadat di raja untuk membantu menyumbangkan tenaga dalam menyempurnakan istiadat itu.

Apabila seseorang Pegawai 99 itu meninggal dunia,

⁷¹ Pada masa dahulu mungkin bilangannya 99 tetapi kini telah bertambah lebih dari 300 orang. Asal usul jawatan ini dikatakan bahawa pada zaman dahulu apabila Yamtuan berangkat kemana-mana lazimnya terdapat seorang rakyat yang memberi baginda santapan. Oleh kerana orang itu berjasa kepada Yamtuan maka diberikan gelaran kepadanya; J.J Sheehan & Abd Aziz Khamis, *Adat Kuala Pilah.*, h.204.

⁷² Senarai larangan ini sila lihat appendix VII.

keluarganya hendaklah memberitahu salah seorang Putera Yang Empat untuk melantik ganti yang baru. Putera Yang Empat selaku wakil Yamtuan menerima gantinya dengan segala adat istiadat.⁷³

Pada keseluruhannya tugas dan peranan pemimpin-pemimpin Adat Lingkungan ini agak jelas baik dalam lingkungan anak buah masing-masing maupun dalam segala adat istiadat di Istana. Terutamanya peranan yang dimainkan oleh Orang Empat Istana dan dibantu oleh datuk-datuk yang lain yang kebanyakan mereka terdiri dari anggota masyarakat Adat Lingkungan. Oleh itu tidak hairanlah mereka ini khususnya Orang Empat Istana sentiasa dihormati oleh masyarakat lingkungannya serta mendapat keistimewaan untuk menggunakan alat-alat kebesaran tertentu daripada Istana. Apabila meninjau kembali konsep peranan yang dikemukakan oleh Linton pada peringkat awal tadi, dapatlah diterima kenyataannya yang mengatakan bahawa tiap-taip satu taraf atau kedudukan seseorang individu itu ada peranan-peranan yang mesti dijalankan. Dari segi praktiknya peranan anggota dari Masyarakat Adat Lingkungan (termasuk Masyarakat Adat Perpatih Luak Tanah Mengandung)⁷⁴ lebih nyata dalam menyumbangkan tenaga bagi menolong Raja dalam segala urusan Istana.

⁷³ Mereka yang telah dilantik itu hendaklah datang menyembah kepada Putera Yang Empat dengan membawa boko (buah tangan).

⁷⁴ Lihat Peta 3.h.221

SUMBER AWALAN

Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969
YAM Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertua Besar
dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Mulia Tunku
Muzaffar Putera Yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapha
ibni Tunku Besar Burhanuddin.

Enakmen Pemegang Adat Bab 215, Terjemahan Pengarah Tanah
dan Galian, N. Sembilan, 1909.

Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan), Terjemahan
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan, 1960.

Jabatan Ukur, Seremban Negeri Sembilan.

Tunku Abdullah (Tunku Panglima Besar), Laporan daripada
Jumaah Istiadat Istana, 7 Januari 1972.

SUMBER PENDUA

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di
Malaysia, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1975.

Abdul Rahman Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih,
Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.

Abdul Samad Idris (ed), Takhta Kerajaan Negeri
Sembilan, N.S. Malay Coop, Seremban, 1961.

_____, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri
Sembilan Dari Segi Sejarah Dan Kebudayaan, Pustaka
Asas Negeri, 1970.

Ali Ahmad, "Pimpinan Dalam Masyarakat Melayu", dalam
Pemimpin Dan Pimpinan, penyusun Hamka,
Pustaka Melayu Baru dan Pustaka Budaya Agency,
Kuala Lumpur, 1973.

Banton, Micheal, Role and Introduction to the Study of
Social Relations, Taviztok Publiction Ltd., London,
1965.

Busha Muhammad, Asas-asas Hukum Adat (suatu
Pengantar), Pradnya Paramita, Jakarta, 1983.

Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, (DBP), Kuala
Lumpur, 1981.

- De Moubray G.A de C, Matriarchy In The Malay Peninsular And Neighbouring Countries, George Routledge & Son Ltd, London, 1931.
- Djaren Saragih S,H, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Tarsito, Bandung, 1980.
- Duke, James T, Conflict and Power in Social Life, Brigham Young University Press, Provo (Utah), 1976.
- Duncan, Mitchell G. (ed.) A Dictionary of Sociology, Routledge & K. Paul, London, 1968, .
- Goulet, Denis A, The Cruel Choice : A New Concept in the Theory of Development, Atheneum, New York, 1971.
- Gullick, J.M, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, trans., DBP, Kuala Lumpur, 1981.
- Hooker, M.B, Adat Laws In Modern Malay, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
- Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan : Socio-political Structure In Indonesia, Martinus Nijhoff's-Gravenhage, Den Hang, 1980.
- Linton, Ralph, The Study of Man : An Introduction, Peter Owen, London, 1936.
- M. Rasjid Manggis (Dt. Radjo Penghulu) Minangkabau: Sejarah Ringkas dan Adatnya, Sri Dharma, Padang, 1970.
-
- , (De. Radjo Penghoeloe), Negeri Sembilan Hubungannya Dengan Minangkabau (Payong Terkembang), Pustaka Sa'adijah, Bukit Tinggi, 1970.
- Maciver, R.M, & Page, Charles H., Masyarakat : Satu Analisa Permulaan, trans. Kuala Lumpur 1972.
- Mochtar Naim, Merantau : Pola Migrasi Suku Minangkabau, Gadjaja Mada University Press, Yogyakarta, 1979.
- Mohtar Md. Dom, Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977.
- Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Penerbit Bulan Bintang, Djakarta, 1971.

- Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982.
- _____, "The Concept of Leadership in Adat Perpatih Renungan", penyusun Nordin Selat, Utusan Publications & Distributions Kuala Lumpur, 1978.
- Othman Ishak, Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, DBP, Kuala Lumpur, 1982.
- Rusli Amran, Sumatera Barat Hingga Plakat Panjang, Penerbit Sinar Harapan, Jakarta, 1981.
- Sejarah Raja-Raja dan Adat Istiadat Negeri Sembilan (Tiada nama Pengarang dan Penerbit) Arkib Diraja, 29hb April 1898.
- Soerjono Eoekanto, Kedudukan dan Peranan Hukum Adat di Indonesia, Penerbit Kurnia Esa, Jakarta, 1982.
- Soleman Biasane Taneko S.H., Dasar-Dasar Hukum Adat dan Ilmu Hukum Adat, Penerbit Alumni, Bandung, 1981.
- Theodorson, George A & Theodorson, Achilles G, A Modern Dictionary of Sociology, Methuen & Co Ltd, Great Britain, 1970.
- Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, DBP, Kuala Lumpur, 1979.
- Van Dijk, Pengantar Hukum Adat Indonesia, Penerbit Sumur Bandung, 1982.
- Winstedt, R.O, The Malays A Cultural History, Routledge & Keagan Paul Ltd., London, 1961.

JERNAL/MAJALLAH

Abdullah bin Abdul Rahman, "Latihan Pengurusan Untuk Kepimpinan", "Analisa Belia", Jurnal Majlis Belia Malaysia, Bil. 1, 1983.

Abdul Ghani Shahmaruddin, "Lain Padang Lain Belalang, Lain Lubuk Lain Ikan", "Dewan Masyarakat", Jil. II, bil.3, Mac 1964 .

_____, "Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah dikaji Dengan Teliti", Dewan Masyarakat, Jil. 1, bil.1, Jun 1964.

Abdul Kadir Yusof, "Keaslian Adat Perpatih : Menghadap cabaran Dunia Moden", Pusaka, Jil.1, Bil.1 Mach 1965.

Ali Majod, "Raja Melewar Sebagai Yamtuan Negeri Sembilan Yang Pertama", Pusaka, Jil.1, Bil.1, Mac 1965.

Aneka Minang, No.6, Terbitan Yayasan Aneka Minang, Jakarta, Mei 1972.

Azahari Ismail, "Kepimpinan Masa Kini dan Hadapan : Suatu Pemerhatian Tentang Konsep Peranannya", Analisa Belia, Jurnal Majlis Belia Malaysia, bil.1, 1983.

H.M. Dahlan, "Adat Dalam Masyarakat Melayu", Ilmu Masyarakat, Persatuan Sains Sosial Malaysia, 1983.

Hooker, M.B, "The Relationship Between The Adat And State Constitutions of Negeri Sembilan", JMBRAS, Vol.42, Pt.2, 1969.

Jamaluddin b. Abdullah "Adat Menyerah", Mastika, Jan. 1958.

Lister, Martin, "The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution" JSBRAS, Vol. XIV, 1887.

Lokman Yusof, "Islam and Adat: As Seen In Land Inheritance" Intisari, Vol.1, No.4, MSRI, Singapore, 1963.

Md. Sharif FH "Tanah Pesaka Adat di Negeri Sembilan Sepintas lalu", warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983.

Mohd. Din bin Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol.11, Pt.2.

- Nathan, J.E & Winstedt, (ed. Wilkinson R.J), "Johol, Ulu Muar, Jempol, Gunong Pasir & Terachi : Their History and Constitution", PMS, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Norazit Selat, "Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu," Dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, No.10, 1981.
- Parr, C.E.C & Mackray, W.H, "Rembau, One of the Nine States, its History, Constitution and Customs", JSBRAS, Vol.LVI, 1910 .
- Seers, Dudley "What Are We Trying To Measure", The Journal of Development Studies, Vol.8 .
- Shamsul Amri Baharuddin, "Kepimpinan Melayu : Jenis, Pola dan Peranan," Dewan Masyarakat, Jil. xv, Bil. 1, Jan 1977 .
- Sheehan J.J. dan Abdul Aziz Khamis, "Adat Kuala Pilah" , JMBRAS, Vol. 14, pt.3, Dec 1936 .
- Syed Husin Ali, "Patterns of Rural Leadership In Malaya", JMBRAS, Vol. XLI, Pt.1, Singapore, July 1968 .
- Taha Abdul Kadir, "Negeri Sembilan Daerah Rantau Minangkabau yang melepaskan diri dari ikatan Daerah Induknya," Warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983 .
- Wilkinson, R.J (ed), "Note on The Negeri Sembilan", PMS, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971 .
- _____, "Seri Menanti", PMS, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Winstedt, R.O, "A History of Negeri Sembilan", JMBRAS, Vol. 12, Pt.3, 1934.
- _____, "The Minangkabau Polity" JMBRAS, Vol.12, Pt. II, 1934.

KERTAS KERJA/SEMINAR

Abbas bin Ali, "Sebahagian Dari Dasar Adat (Tinjauan Secara Umum)" , K/K Seminar Pensejarahan & Adat Perpatih anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 10-12 April 1974 .

Ariffin Haji Zainal, "Motivasi dan Perlakuan Kerja di dalam Organisasi", Jabatan Penerangan Malaysia, 1981.

M.Rasjid Manggis (Dt.Radjo Penghoeloe), "Hubungan Sejarah Negeri Sembilan ke Minangkabau", seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970 .

Taha Abdul Kadir, "Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari di Negeri Sembilan dalam Menghadapi Perubahan Sosio-ekonomi", Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Bukit Tinggi, 1980.

LATIHAN ILMIAH

Azizah Kassim, "Kedudukan Wanita Di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan", Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.

Mazenah bte. Piei, Peranan Ketua Adat Dalam Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda, Jabatan Persuratan Melayu, UKM, 1982.

SENARAI RESPONDEN

- Nama : Datuk Penghulu Dagang Adam bin Yusof
 T. Lahir : 1910
 Alamat : Kampung Bukit Tempurung, Seri Menanti,
 N. Sembilan.
 Jawatan : Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tanah
 Datar Lingkungan Air Kaki dengan gelaran
 Datuk Penghulu Dagang.
 Pengalaman : Sebelum beliau memegang jawatan Orang
 Empat Istana dan Lembaga, beliau pernah
 bekerja menjadi "budak suruhan" di Istana.
 Kemudian beliau dilantik sebagai Orang
 Empat Istana dan Lembaga pada tahun 1934
 iaitu semasa pemerintahan DYMM Yang
 di Pertuan Besar N. Sembilan kelapan
 Almarhum Tuanku Abdul Rahman.
- Nama : Datuk Panglima Jaya Hassan bin Salleh
 T. Lahir : 1916
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Jawatan : Buapak Suku Tiga Batu Lingkungan Kampung
 Buyau.
 Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Besar Waris
 Kampung Buyau dengan gelaran Datuk
 Palembang antara tahun 1937 hingga 1967.

Beliau di angkat menjadi Buapak atas kebulatan anak-anak buah kampung tersebut bagi menggantikan Datuk Panglima Jaya Maasar yang telah meninggal dunia pada tahun 1967.

Nama : Tuan Haji Ibrahim bin Jaafar
 T. Lahir : 1919
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjawat jawatan Pegawai 99 dan Besar Waris bagi suku Tanah Datar Lingkungan Air Kaki dengan Gelaran Datuk Seri Maharaja pada tahun 1965 hingga 1983.

Nama : Datuk Besar Meon bin Abu Bakar
 T. Lahir : 23.3.1903
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, N. Sembilan.
 Jawatan : Apit Lempang Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tiga Batu Lingkungan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjadi Pegawai 99 dan Besar Waris Suku Tiga Batu Kampung Buyau antara tahun 1922 hingga 1934 dengan gelaran Datuk Perdana. Pada tahun 1934 beliau di angkat menjadi Buapak dengan gelaran Datuk Panglima Jaya. Semasa pemerintahan Almarhum Yamtuan Tuanku Abdul Rahman beliau telah dilantik sebagai Apit Lempang Orang Empat Istana dan Lembaga Suku Tiga Batu iaitu pada 23.9.1937.

Nama : Tuan Haji Mohd. Nor bin A. Hamid
 T. Lahir : 1929
 Alamat : No. 44, Bt. 26 1/2, Jalan Bahau, Kuala
 Pilah N. Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah menjawat jawatan Settlement
 Officer merangkap Penolong Pemungut Hasil
 Tanah Kuala Pilah. Beliau telah bersara
 dari jawatan tersebut pada tahun 1983.

Nama : Encik Shamsuddin bin Husin
 T. Lahir : 1907
 Alamat : Kampung Buyau, Seri Menanti, Negeri
 Sembilan.
 Pengalaman : Beliau pernah memegang jawatan Orang
 Besar di Istana dengan gelaran Datuk
 Kanda Maharaja serta Besar Waris Suku
 Batu Hampar antara tahun 1940 hingga
 1986. Sebagai Datuk Kanda Maharaja
 beliau ditugaskan sebagai pemegang
 Pedang Sebarau Bujang dalam setiap
 upacara perarakan di raja semasa di atas
 Takhta Rencana.

Nama : Yang Amat Mulia Tunku Alang Astor bin
 Tunku Sharif
 T. Lahir : 29.9.1921

- Jawatan : Anak Raja Bergelar Merangkap jawatan
Penyelia Adat.
- Pengalaman : Beliau telah dilantik sebagai Penyelia
Adat pada tahun 1976 oleh DYMM Yang
di Pertuan Besar Tuanku Jaafar. Sebagai
Penyelia Adat, beliau memainkan peranan
penting dalam setiap upacara perlantikan
pemimpin Adat Lingkungan khususnya
Lembaga, Orang Empat Istana dan Buapak.

APPENDIX I

Konsep Pusaka Adat

Mengikut Adat Perpatih, meskipun hakmilik mewarisi tanah pusaka adat ditentukan kepada pihak perempuan, tetapi ia sebenarnya adalah untuk menjamin tanah tersebut menjadi hak waris yang berterusan sehingga pada masa-masa akan datang. Walaupun dikatakan hakmilik diberi kepada perempuan tetapi mereka hanya mempunyai kuasa hak pakai sahaja, "genggam yang berumpuk" tidak boleh dijual atau digadai. Harta itu tetap kepunyaan suku.

Takdirnya meninggal seorang ibu, tanah pusaka adatnya akan berpindah milik kepada anak perempuan dan apabila anak itu meninggal pula tanah itu akan berpindah milik kepada anak perempuan juga dan demikianlah seterusnya. Jika simati tiada mempunyai anak perempuan, harta itu akan berpindah pula kepada waris perempuan yang dekat. Jika tiada kadim yang dekat maka baharulah berpindah pula kepada kadim yang jauh dalam suku itu, sebagaimana menurut kata perbilangan adat:

bermula kepada waris nan sejengkal
kemudian waris nan sehasta
lepas itu barulah waris nan sedepa.

Sekiranya masih tidak ada waris perempuan yang layak ataupun tidak ada siapa lagi yang berhak menerima dalam suku itu maka tanah tersebut dipulangkan kepada Penghulu atau Undang dan dinamakan 'pusaka tergantung'.

Walaupun anak lelaki dikatakan tidak menuntut tanah pusaka adat, tetapi ia boleh mengambil hasil dari tanah itu selama hayatnya terutama apabila ia tidak mempunyai saudara perempuan. Malah dalam keadaan-keadaan tertentu adalah dibenarkan jika ia (anak lelaki) meminta namanya ditulis di bahagian belakang geran tanah tersebut sebagai pemakan hasil. Tetapi apabila ia meninggal dunia, tanah itu secara automatik kembali semula kepada sekadim perempuan yang mempunyai hakmilik ke atas tanah tersebut.

Kelonggaran ini adalah merupakan satu jaminan hidup kepada saudara lelaki sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini pada masa tuanya seperti kematian isteri atau jatuh miskin sehingga tidak ada tempat hendak bergantung. Dalam masyarakat adat, saudara lelaki itu tidak akan terbuang atau diabaikan oleh saudara perempuan sebagaimana menurut kata perbilangan adat:

Saudara lelaki itu cicir dipungut
hilang dicari
rugi-laba isteri yang punya
nyawa darah waris yang punya
sebusuk-busuk daging
dibasuh dikincih dimakan jua.

Sumber : Md. Sharif FH, "Tanah Pesaka Adat di Negeri Sembilan Sepintas lalu", Warisan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1983, h.14-16.
Norazit Selat, "Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu", dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, Journal Persatuan Sejarah Malaysia, No.10, 1981, h.32-33.

APPENDIX II

Konsep Salah-Salahan Dalam Adat

1. Adat Merumah

'Merumah' ialah jalan keluar bagi lelaki yang menyukai seorang perempuan tetapi "pihak perempuan" tidak suka menerima lamarannya. Pihak lelaki naik ke rumah (atau dalam bilik) dan memegang tangan perempuan yang dihajati. Dia akan tetap tinggal dibilik atau membawa perempuan itu ke luar serambi. Saudara mara kepada perempuan itu akan tetap mahu perempuan itu diserahkan kembali dengan mengemukakan berbagai-bagai tuntutan. Jika si Lelaki sanggup memenuhi tuntutan-tuntutan yang diminta dan berjaya dalam usahanya tidak mahu memulangkan sigadis, barulah ia boleh dikahwinkan. Ibu si gadis itu mesti mengadakan upacara perkahwinan pada hari itu juga. Tetapi jika si lelaki itu kalah maka terpaksa ia membayar adat dan turun dari rumah gadis berkenaan.

2. Adat Menyerah

Si lelaki datang ke rumah perempuan yang diinginya itu dengan beberapa orang (biasanya 5 atau 6 orang). Tetapi lelaki yang datang dengan rombongannya ini hanyalah sampai diserambi atau di ruang luar rumah perempuan itu dan tidak terus masuk ke bilik perempuan itu seperti mana yang berlaku dalam 'merumah'.

Sumber : Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Papatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982, h.128.
Jamaluddin b. Abdullah, "Adat Menyerah", Mastika, Jan. 1958, h.16-18.

APPENDIX III

Hukum Tentang Perkahwinan

Dalam adat Perpatih kahwin sesuku merupakan kesalahan besar dan ini dinamakan 'sumbang'. Ada dua jenis sumbang. Pertama adalah sumbang sewaris iaitu berkahwin sesuku tetapi berlainan perut. Kedua ialah sumbang sekedim yang merupakan sebesar-besar kesalahan iaitu berkahwin 'dalam perut' sendiri. Sumbangan sekedim ini dikenali juga sebagai 'sumbang balai melintang'.

Sumber : Lihat Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1982, h.125.

APPENDIX IV

Konsep Harta Dalam Adat.

Ada empat jenis harta:

1. Harta Pusaka [adat]

Harta pusaka ialah harta yang diwarisi oleh waris perempuan sesuatu suku mengikut jurai keturunan ibunya. Biasanya harta ini berbentuk tanah kampung, dusun, sawah dan rumah. Hak milik asal adalah dari nenek moyang mereka. Mengikut perbilangan adat:

Terbit pusaka kepada saka
Si lelaki yang menyandang pusaka
Si perempuan punya pusaka
Orang semenda yang membela.

2. Harta Pembawa

Harta pembawa ialah hak milik si lelaki yang dicari semasa bujang atau harta pemberian dari keluarganya sebelum ia mendirikan rumahtangga. Dikenali juga sebagai 'harta carian bujang'.

3. Harta Dapatan

Harta dapatan ialah harta yang sedia dimiliki oleh pihak perempuan sebelum ia mendirikan rumahtangga.

4. Harta Sepencarian

Harta sepencarian ialah harta yang dapat diusahakan bersama-sama keduanya (suami isteri) setelah mendirikan rumahtangga.

Sumber : Mohd Din bin Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol.11, Pt.2, h.36-37.
Lokman Yusof, "Islam and Adat - as seen in land inheritance", Intisari, Vol.1, No.4, MSRI, Singapore, 1963, h.17-18.

APPENDIX V

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 9 ENAKMEN TANAH LINGKUNGAN

Notis adalah dengan ini diberi bahawa
 dari menuntut bahawa ia berhak kepada
 bidang tanah, yang mana butir-butir hak
 milik adalah seperti berikut:

NO.	E.M.R	No. Lot	Mukim	Keluasan
-----	-------	---------	-------	----------

.....
 dan telah memohon kepada saya untuk membuat perintah
 bahawa dia adalah berhak.

Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa bantahan
 terhadap perintah tersebut hendaklah membuat bantahan
 tersebut di Pejabat Tanah Kuala Pilah pada atau sebelum
 hb 19....

Tiada bantahan akan diterima selepas tarikh
 tersebut.

Pemungut Hasil Tanah,
 Kuala Pilah.

Sumber : Enakmen Pemegang Adat (Tanah Lingkungan) 1960,
 trans., Pengarah Tanah dan Galian, Negeri
 Sembilan.

APPENDIX VI

ATURAN DI ATAS TAKHTA RENCANA

- a. Pengantin Diraja berdua
- b. Datuk Kanda Maharaja memegang Pedang Sebarau Bujang
- c. Datuk Panglima Gajah memegang Payung Kuning
- d. Datuk Bentara Perempuan memegang kipas keemasan
- e. Datuk Mangku memegang Keris Panjang

ATURAN HADAPAN TAKHTA RENCANA

- a. Pasukan Rebana dan Pencak Silat
- b. Juak-juak dan Pegawai-pegawai memegang alat-alat
Kebesaran
- c. Datuk-datuk Penghulu Luak Tanah Mengandung
- d. Orang Empat Istana
- e. Datuk Bentara Dalam

ATURAN KIRI DAN KANAN TAKHTA RENCANA

- a. Datuk-datuk Pegawai Yang Enam memegang keris dan
pedang
- b. Datuk-datuk Apit Lempang
- c. Orang-orang Besar Lingkungan

ATURAN BELAKANG TAKHTA RENCANA

- a. Yang Amat Mulia Putera Yang Empat
- b. Anak-anak Raja Bergelar, Putera-putera dan Puteri-puteri Raja Negeri Sembilan
- c. Datuk Pegawai memegang Alat-alat Kebesaran
- d. Rakyat

Sumber : Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969 antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertuan Besar dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Mulia Tunku Muzaffar putera Yang Mulia Tunku Kecil Mustapha ibni Tunku Besar Burhanuddin.

APPENDIX VII

LARANGAN DI RAJA KEPADA RAKYAT

1. RUMAH-RUMAH YANG DILARANG

- a. Papan Gendung Berdaun Budi - papan gendeng iaitu yang dibuat di antara atap bumbungan dengan atap serambi yang berukir-ukir awan larat; berdaun budi bermaksud satu jenis ukiran.
- b. Gajah Menyusu - Anjong rumah yang bertingkat.
- c. Naga-naga - Tunjak langit yang dua lapis di kiri dan kanan rumah, tabir layarnya dipasang condong ke dalam.
- d. Puyuh berlaga - Hujung serambi dan pangkal serambi bertingkat (tinggi dari lantai).
- e. Pintu Sepak - Tudung pintu yang dibuat dua lapis.
- f. Pintu di tengah-tengah rumah - biasanya rumah orang kebanyakan pintunya dibuat agak sebelah tepi sedikit.
- g. Serambi berkeliling - Rumah yang dibuat serambi keliling rumah.
- h. Panjang Serong atau Kambing berlaga, juga dipanggil bendul mancung - hujung bendul yang dikerat serong.
- i. Gajah Berjuang - Anjong rumah yang dibuat bertingkat dan bertentangan dengan dapur yang juga dibuat bertingkat.
- j. Lebah Mengirap - Dinding Serambi yang sebelah atas dibuat kisi-kisi.
- k. Selasar Kuah - Pepalas yang dibuat di hadapan rumah, dibuat pula tempat duduk yang bertingkat-tingkat dan digunakan sebagai tempat tarian inai masa perkahwinan.
- l. Tangga Gantung - Tangga yang dibuat dalam rumah untuk naik atas peran atau tingkat atas.

- m. Tangga Bertingkat - Tangga yang terletak di atas lantai rumah.
- n. Rumah Tangga - tangga yang dibuat rumah sebagai anjong.
- o. Mahligai - rumah yang besar menyerupai Istana.
- p. Gerai atau Geta Bertingkat - tempat tidur yang dibuat bertingkat-tingkat berhampiran dan rapat dengan katil.
- q. Dapur Bandung - rumah dapur yang dibuat dua buah bangunan bersambung.
- r. Rumah Melintang - rumah yang didirikan tidak mengadap ke sungai atau melintang alur air.
- s. Rumah bertingkat - rumah yang dibuat dua atau tiga tingkat atau lebih.
- t. Sawa Melampai - tabir layar yang berukir-ukir atau bertirai-tirai awan larat.
- u. Lengkiang (rumah Kepok) - rumah kepok yang dibuat silang gunting.
- v. Pintu Gerbang - pintu gerbang yang dibuat di pintu pagar.
- w. Gunung Bertingkat - tempat duduk Undang atau Penghulu yang dipanggil 'Raja di Muda' di buat dari tilam dan dibelakangnya pula ada dibuat rangka yang berupa pucuk rebung.

2. PAKAIAN

- a. Pakai Sebolong - Pakaian yang satu warna, misalnya warna hitam dari songkok atau destar hingga baju, seluar dan kain samping. Pakaian hitam ini hanya tertentu kepada Datuk-datuk yang berjawatan sahaja. Pakaian yang serba putih tertentu bagi alim ulama yang dilantik oleh raja untuk memegang satu-satu jawatan seperti Kadhi, Imam dan seumpamanya.
- b. Pakaian Kuning - Kuning di sini adalah kuning kunyit yang dikhaskan bagi anak-anak Raja sahaja.

- c. Bulang Luar - Bersamping baju ke dalam, disisipkan tumbuk lada atau badik di pinggang.
- d. Tanam Tebu - Memakai keris atau tumbuk lada di hadapan perut (lurus pusat). Sekiranya ada yang memakainya begini beerti memanggil jantan orang (meminta lawan).
- e. Menyelampai - Memakai kain sarong atau samping yang diselampaikan kebahu atau diselendangkan.
- f. Memakai Keris Berpedongkok - Hulu keris atau tumbuk lada atau diujung sarungnya bertatah dengan emas atau perak.
- g. Tikar Belangkat - Tikar yang dibuat berlapis-lapis dan bertatah dengan emas atau perak di sudutnya (tikar belangkat ini ada yang tiga, lima dan tujuh lapis).
- h. Destar Bertatah - Destar yang bertampuk-tampuk emas atau perak.
- i. Destar Berkaki (Destar Bendahara Pulang Mandi) - Destar yang hujung kainnya diselitkan ke bawah.
- j. Destar Selok Timba - Destar yang hujungnya (pucuknya) keluar ke atas empat pucuk.
- k. Chaping perak - Alat penutup kemaluan.
- l. Terapang bertutup ulu - Di pangkal ulu keris atau tumbuk lada bertutup emas atau perak; begitu juga di sarungnya, ini dipanggil terapang.
- m. Larangan memasuki kota Istana - dilarang memasuki Istana dengan menyandang kain, mengembang payung, tidak bersamping, tidak berdestar atau bersongkok dan menaiki kenderaan.

3. LARANGAN-LARANGAN LAIN

- a. Kerbau jantan baduk - Kerbau yang tanduknya bengkok ke bawah lepas dari telinga.

- b. Kerbau jantan sampaian kain - Kerbau yang tanduknya lurus kiri kanan atau salah satu darinya.
- c. Kerbau jantan sinar matahari - Kerbau jantan yang tanduknya mengadap ke hadapan dan kepala atau tanduknya berwarna merah.
- d. Kerbau bungal ganteh - Kerbau yang hujung tanduknya menyerupai seperti buah.
- e. Kerbau Changgai Puteri - Kerbau yang kukunya lentik.
- f. Kerbau buluh seruas - Kerbau yang kukunya tidak pecah.
- g. Kerbau Sopak muncung - Kerbau yang putih warna muncungnya.
- h. Kerbau Bintang - Kerbau yang bertompok-tompok putih di badannya seolah-olah menyerupai bintang.
- i. Kerbau Bara Api - Kerbau yang merah kulitnya seperti kain kesumba.
- j. Kerbau Kumbang Berteduh - Kerbau yang besar di bawah pangkal ekornya. Kerbau ini juga dipanggil kerbau 'Sumbat Labu'.
- k. Kerbau Pangkah Kening - Kerbau yang ada warna putih melintang di keningnya.
- l. Kerbau Berpunca Ekor - Kerbau yang ada warna putih di hujung ekornya dan ekornya panjang sejangkal.
- m. Kerbau Tepok Lalat - Kerbau yang kembang bulu di hujung ekornya.
- n. Kerbau-kerbau yang menyalahi adat Kerbau - iaitu kerbau-kerbau yang luar biasa.

Semua kerbau-kerbau yang sifatnya seperti yang tersebut di atas jika ada dimiliki oleh rakyat hendaklah diserahkan kepada Raja. Adalah menjadi tanggungjawab Buapak dan Datuk-datuk Lembaga mengawasi anak-anak buahnya yang ada memiliki kerbau-kerbau tersebut supaya dipersembahkan kepada pengetahuan Yamtuan.

Sumber : Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, N.S. Malay Co-op, Seremban, 1961, h.126-127 dan 129-133.

R.J. Wilkinson, "Seri Menanti", PMS, FMS, Kuala Lumpur, 1914, h.46-48.

APPENDIX VIII

ISTIADAT MERENJIS AIR SELAMAT


Dimulakan oleh;

1. Duli-duli Yang Maha Mulia Yang Di-pertuan Besar dan Tunku Ampuan Negeri Sembilan.
2. Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Di Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
3. Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Tunku Kurshiah.
4. Yang Maha Mulia Tengku Puan Durah.
5. Yang Amat Mulia Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin.
6. Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Tanah Melayu dan Brunei atau Wakil-wakilnya.

Dan dituruti oleh Anak-anak Raja dan Datuk-datuk yang telah diatur oleh Orang Empat Istana dan Istiadat ini diakhiri oleh mereka sendiri.

Sumber : Dipadankan dari Buku Cenderamata Perkahwinan Diraja Negeri Sembilan 1969 antara Yang Amat Mulia Tunku Dara Naquiah puteri DYMM Yang di Pertuan Besar dan Yang Maha Mulia Tunku Ampuan dengan Yang Maha Mulia Tunku Muzaffar Putera yang Mulia Tunku Kecil Besar Mustapha ibni Tunku Besar Burhanuddin.


Peta I



Peta Negeri Sembilan

Sumber: Jabatan Ukur Seremban,
Negeri Sembilan.


Peta 2




Peta Mukim Sri Menanti

Sumber: Jabatan Ukur Seremban,
Negeri Sembilan.

PETA 3 LUAK TANAH MENGANDUNG
(ULU MUAR, JEMPOL, TERACHI DAN GUNUNG PASIR)



SUMBER: MB. HOOKER, ADAT LAWS IN MODERN
MALAYA, KUALA LUMPUR OXFORD UNIVERCITY
PRESS 1972, h, 124



Gambar 2 : Orang Empat Istana, diambil pada 1980
Dari Kiri : Datuk Seri Amar Diraja Sujud, Datuk Akhir Zaman Abdul Rahman,
Datuk Raja Dewangsa Yunus dan Datuk Penghulu Dagang Adam.
Sumber : Arkib Negara, Kuala Lumpur.